



APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPMAN



ISI KANDUNGAN

Table of Content

SOROTAN | HIGHLIGHT

M/S 3

Kunjungan Hormat Pejabat Daerah Hulu Terengganu ke APPGM-SDG

Courtesy Visit by Hulu Terengganu District Office to APPGM-SDG

M/S 4

Sambutan Hari Kaamatan dan Gawai APPGM-SDG

APPGM-SDG Kaamatan and Gawai Celebration

M/S 5

Majlis Peluncuran Buku: Meninjau Semula Dimensi dan Indikator Indeks Kemiskinan Multidimensi Nasional

Book Launch: Reviewing the National Multidimensional Poverty Index's Dimensions and Indicators

M/S 6-7

Mesyuarat Suku Tahun Kedua dan Permukiman Staff APPGM-SDG

Quarter 2 Staff Meeting and Retreat For APPGM-SDG Staffs

M/S 8

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SDG Bil. 1/2025

SDG Steering Committee Meeting No. 1/2025

M/S 8

Lawatan Pemetaan Isu

Isu Mapping Visit

AKTIVITI-AKTIVITI ZON & WILAYAH | ACTIVITIES OF ZONES & REGIONS

M/S 12

ZON UTARA

Northern Zone

M/S 120

ZON TENGAH

Central Zone

M/S 23

ZON PANTAI TIMUR

East Coast Zone

M/S 28

ZON SELATAN

Southern Zone

M/S 31

WILAYAH SARAWAK

Sarawak Region

M/S 34

WILAYAH SABAH

Sabah Region

PUSAT-PUSAT MYSDG DAN JABATAN-JABATAN APPGM-SDG

| MYSDG CENTRES & APPGM-SDG DEPARTMENTS

- PUSAT MYSDG UNTUK RANGKUMAN SOSIAL | MYSDG CSI M/S 41
- PUSAT MYSDG UNTUK ALAM SEKITAR DAN KEMAMAPANAN | MYSDG CES M/S 42
- AKADEMI MYSDG & KOMUNIKASI KORPORAT | MYSDG ACADEMY & COMMS M/S 43
- PEJABAT KETUA SEKRETARIAT | HEAD OF SECRETARIAT'S OFFICE M/S 47
- JABATAN PENYELARASAN PARLIMEN | CONSTITUENCY COORDINATION M/S 48
- JABATAN PENGURUSAN PROJEK | PROJECT MANAGEMENT DEPARTMENT M/S 49
- JABATAN SOLUSI DASAR | POLICY SOLUTION DEPARTMENT M/S 53
- JABATAN ADVOKASI DASAR PARLIMEN | PARLIAMENTARY POLICY ADVOCACY M/S 55
- PENGURUSAN PEJABAT | OFFICE MANAGEMENT M/S 58

SDG 17 KERJASAMA UNTUK MATLAMAT | PARTNERSHIP FOR THE GOALS

- PROGRAM AKAN DATANG | UPCOMING PROGRAMME M/S 61

**18.6.2025**

Kunjungan Hormat Pejabat Daerah Hulu Terengganu ke APPGM-SDG *Courtesy Visit by Hulu Terengganu District Office to APPGM-SDG*

APPGM-SDG telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Pejabat Daerah Hulu Terengganu yang diketuai oleh Tuan Mohd Fadli bin Ngah, Pegawai Daerah Hulu Terengganu bersama rombongan yang terdiri daripada Penolong Pegawai Daerah dan Penghulu. Kunjungan ini merupakan lawatan pertama oleh Pegawai Daerah ke pejabat APPGM-SDG di Petaling Jaya. Dalam sesi taklimat dan perbincangan, APPGM-SDG telah membentangkan gerak kerja dan inisiatif intervensi dasar kami. Tuan Pegawai Daerah menyatakan persetujuan untuk menubuhkan Jawatankuasa SDG di daerah Hulu Terengganu sebagai langkah awal dalam memacu pembangunan mampan berasaskan komuniti. Sebagai daerah terbesar di Terengganu dengan lebih 70% kawasan terdiri daripada Hutan Simpan Kekal, Taman Negara dan Tasik Kenyir, banyak pandangan bernas dan berwawasan telah dikongsikan oleh Tuan Pegawai Daerah dalam konteks pembangunan daerah berasaskan kelestarian. Sesi ini turut disertai oleh Penasihat PPMPL, Dato' Sri Mustapa Mohamed, Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Rahmah, Dr. Siti, Paniirselvam, Faros Roslan, Athirah serta Penyelaras Tempatan Hulu Terengganu, Masniza Ismail.

APPGM-SDG welcomed a courtesy visit from the Hulu Terengganu District Office delegation, led by Tuan Mohd Fadli bin Ngah, the District Officer of Hulu Terengganu, accompanied by the Assistant District Officer (ADO) and local community leaders (Penghulu). This marked the first-ever visit by a District Officer to the APPGM-SDG office in Petaling Jaya. During the meeting, APPGM-SDG presented its framework and ongoing policy intervention initiatives. The District Officer expressed agreement with the proposal to establish a District SDG Committee in Hulu Terengganu as a proactive step towards community-based sustainable development. As the largest district in Terengganu—with over 70% of its area comprising Permanent Forest Reserves, National Park, and Tasik Kenyir—valuable insights from the District Officer's local development experience were shared and well received by the APPGM-SDG team. This session was also attended by the Advisor of PPMPL, Dato' Sri Mustapa Mohamed, Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Rahmah, Dr. Siti, Paniirselvam, Faros Roslan, Athirah, and the Hulu Terengganu Local Coordinator, Masniza Ismail.




18.6.2025

Sambutan Hari Kaamatan dan Gawai APPGM-SDG APPGM-SDG Kaamatan and Gawai Celebration

Bagi menyemarakkan semangat kekitaan dan kepelbagaian budaya rakyat Malaysia, APPGM-SDG telah menganjurkan Sambutan Hari Kaamatan dan Gawai yang disertai oleh warga kerja APPGM-SDG dari seluruh negara, termasuk rakan sekerja dari pejabat wilayah Sabah dan Sarawak. Sesi turut diserikan dengan perkongsian ringkas berkaitan makna dan tradisi Hari Kaamatan dan Hari Gawai yang disampaikan oleh Raine Melissa dan Dana. Semoga ikatan antara warga kerja terus diperkukuh melalui kefahaman dan penghargaan terhadap budaya yang membentuk identiti Malaysia.


In embracing the spirit of unity and Malaysia's rich cultural diversity, APPGM-SDG organised a Kaamatan and Gawai Celebration joined by our team members nationwide, including colleagues from the Sabah and Sarawak regional offices. The event featured insightful sharing sessions on the significance and traditions of Kaamatan and Gawai by Raine Melissa and Dana. May this celebration strengthen the bonds among colleagues through deeper appreciation and understanding of the cultures that shape our national identity.



17.6.2025

Majlis Peluncuran Buku: Meninjau Semula Dimensi dan Indikator Indeks Kemiskinan Multidimensi Nasional

Book Launch: Reviewing the National Multidimensional Poverty Index's Dimensions and Indicators



APPGM-SDG melancarkan buku “*Reviewing the National Multidimensional Poverty Index's Dimensions and Indicators*” sebagai usaha memperkukuh ukuran kemiskinan pelbagai dimensi di Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian komuniti rentan di seluruh negara, buku ini menyorot pelbagai kekurangan dalam pendidikan, kesihatan, taraf hidup, perlindungan sosial serta keharmonian dan keselamatan sosial. Pelancaran telah disempurnakan oleh Dato’ Sri Mustapa Mohamed serta dirasmikan oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria dan Dr. Lin Mui Kiang dengan kehadiran peserta dari NGO, ahli-ahli akademik dan UNDP.

APPGM-SDG launched the book “Reviewing the National Multidimensional Poverty Index's Dimensions and Indicators” to strengthen Malaysia’s poverty measurement. Based on a national survey among vulnerable communities, it highlights multiple deprivations in education, health, living standards, social protection, and social cohesion. The event was graced by YB Dato’ Sri Mustapa Mohamed and officiated by Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria and Dr. Lin Mui Kiang, attended by participants from NGOs, academia, and UNDP.

Perbincangan bersama Debbie Loh, Dr Thanaraj dan Syaza turut diadakan sempena pelancaran, yang menekankan bagaimana buku ini memberi nilai tambah dalam mengenal pasti masalah sebenar rakyat merangkumi aspek pendidikan, kesihatan, taraf hidup dan lain-lain.

A discussion featuring Debbie Loh, Dr Thanaraj and Syaza highlighted how the book adds value in identifying the real issues faced by the people—including education, health, living standards and more.




19-22.6.2025

Mesyuarat Suku Tahun Kedua dan Permukiman Staff APPGM-SDG *Quarter 2 Staff Meeting and Retreat For APPGM-SDG Staffs*

APPGM-SDG telah mengadakan Mesyuarat Suku Tahun Kedua dan sesi permukiman selama empat hari tiga malam di Sudara Beach Resort, Bachok. Program ini memberi tumpuan kepada penilaian semula pencapaian semasa, semakan hala tuju sasaran dan strategi, serta memastikan setiap inisiatif kekal selari dengan garis masa yang ditetapkan. Sesi ini juga menjadi medan penting untuk mengukuhkan budaya kerja berpasukan melalui perkongsian kejayaan di lapangan, perbincangan rentas jabatan dan penguatan nilai sinergi dalam kalangan kakitangan APPGM-SDG. Seramai 47 orang kakitangan dari pelbagai zon dan jabatan telah menyertai program ini. Sebagai sebahagian daripada pengukuhan kehadiran di peringkat negeri, satu lawatan turut diadakan ke Pejabat APPGM-SDG di Kota Bharu.

The Second Quarter Meeting and strategic retreat of APPGM-SDG was held over four days and three nights at Sudara Beach Resort, Bachok. The programme aimed to reassess progress, review strategic goals, and ensure all initiatives stay aligned with the targeted timelines. The retreat also served as a meaningful platform to foster teamwork, share success stories from the field, and strengthen synergy across departments. A total of 47 staff members from various zones and departments participated in the programme. As part of strengthening state-level presence, the team also visited the APPGM-SDG Office in Kota Bharu.



Mesyuarat Suku Tahun Kedua dan Pemukiman Staff APPGM-SDG
Quarter 2 Staff Meeting and Retreat For APPGM-SDG Staffs



The session with Director for Head of Secretariat (HOS) was held to discuss this year's task outcomes and the implementation of personal development efforts towards achieving the company's goals.



Team building activities were conducted for all staff, focusing on critical thinking and problem-solving. In the first session, participants used only ropes and had to find a solution to detach themselves from their partners. Another session involved moving through multiple checkpoints, where the team needed to solve challenges together as a large group.



The staff visited Masjid Beijing in Rantau Panjang, Kelantan; the Sleeping Buddha in Tumpat, Kelantan; the keropok lekor production site in Bachok; and finally, the APPGM-SDG East Coast Branch.



30.6.2025

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SDG Bil. 1/2025 SDG Steering Committee Meeting No. 1/2025

APPGM-SDG telah membuat pembentangan Penyetempatan SDG peringkat daerah melalui metodologi APPGM-SDG dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SDG Bil. 1 tahun 2025 yang dipengerusikan oleh YB Dato' Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Ekonomi. Mesyuarat ini diselaras oleh Pusat SDG Negara selaku urus setia, dengan kehadiran YBr. Tuan Asfaazam, Pengarah Pusat SDG Negara. Antara agenda utama ialah cadangan APPGM-SDG untuk mendapat pengiktirafan rasmi daripada Kementerian Ekonomi bagi menginstitusikan gerak kerja intervensi dasar dan penyetempatan SDG di peringkat daerah. Ia dicadangkan untuk dilaksanakan melalui penubuhan Jawatankuasa Teknikal dan Pemandu peringkat kebangsaan. Mesyuarat turut dihadiri wakil-wakil kementerian serta pengerusi bersama CSO-SDG Alliance. APPGM-SDG terus komited untuk menjadi pelengkap kepada usaha kerajaan dalam merangka penyelesaian berasaskan data dan komuniti terhadap isu-isu tempatan berpandukan kerangka Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

APPGM-SDG presented our SDG localisation methodology at district in the SDG Steering Committee Meeting No. 1 for 2025, chaired by YB Dato' Hajjah Hanifah Hajar Taib, Deputy Minister of Economy. The meeting was coordinated by the National SDG Centre, with the presence of YBr. Tuan Asfaazam, Director of the National SDG Centre. One of the key agenda items was APPGM-SDG's proposal to gain formal recognition from the Ministry of Economy in institutionalising district-level SDG policy intervention and implementation. This is envisioned through the establishment of both a National Technical and a Steering Committee for SDG localisation. Also in attendance were representatives from various ministries and co-chairs of the CSO-SDG Alliance. APPGM-SDG remains committed to complementing the government's efforts in addressing local issues through community-based, data-driven policy solutions guided by the Sustainable Development Goals framework.



The photos shown YB Hajjah Hanifah Hajar Taib received the material on Localising SDG at the District Level: APPGM-SDG Methodology, which highlights APPGM-SDG's efforts in localising the SDGs in 109 districts & 2 federal territories across 143 constituencies through issue mapping, capacity building, micro projects, and policy dialogues and at the same time had a discussion with the directors of APPGM-SDG

Lawatan Pemetaan Isu (Jun)

Issue Mapping Visit (Jun)

Pada bulan Jun, APPGM-SDG telah menjalankan lawatan tapak di beberapa kawasan parlimen, termasuk Teluk Intan dan Kulim-Bandar Baharu. Pemetaan isu ini merupakan langkah awal dalam proses penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) oleh APPGM-SDG. Gerak kerja ini dimulakan dengan penglibatan aktif ahli parlimen di kawasan-kawasan terlibat. Laporan lawatan tapak boleh dimuat turun melalui kod QR yang disediakan.

In June, APPGM-SDG conducted site visits across several parliamentary constituencies, including Teluk Intan and Kulim-Bandar Baharu. This issue mapping exercise marks the initial step in the localization of the Sustainable Development Goals (SDGs) by APPGM-SDG. The initiative was carried out with the active participation of Members of Parliament from the respective constituencies. The site visit report can be downloaded via the provided QR code.



6

Teluk
Intan



7

Kulim -
Bandar
Baharu





1 Jun 2025 | Parlimen Teluk Intan
1 June 2025 | Teluk Intan Parliament



12 Jun 2025 | Parlimen Balik Pulau
12 June 2025 | Balik Pulau Parliament



13 Jun 2025 | Parlimen Kinarut
13 June 2025 | Kinarut Parliament



13-14 Jun 2025 | Parlimen Kulim Bandar Bharu
13-14 June 2025 | Kulim Bandar Bharu Parliament



14 Jun 2025 | Parlimen Sepanggar
14 June 2025 | Sepanggar Parliament



14 Jun 2025 | Parlimen Stampin
14 June 2025 | Stampin Parliament



16 Jun 2025 | Parlimen Sabak Bernam
16 June 2025 | Sabak Bernam Parliament



17 Jun 2025 | Parlimen Batu Pahat
17 June 2025 | Batu Pahat Parliament



AKTIVITI-AKTIVITI ZON & WILAYAH

| ACTIVITIES OF ZONES & REGIONS

Aktiviti-aktiviti Zon & Wilayah menampilkan pelaksanaan penyetempatan SDG di seluruh negara melalui pelbagai inisiatif di peringkat zon dan wilayah. Setiap zon telah melaksanakan sesi pemetaan isu, dialog antara agensi, serta bengkel pembangunan kapasiti melibatkan pelbagai pemegang taruh termasuk Ahli Parlimen, agensi kerajaan, komuniti dan institusi akademik. **Pendekatan ini memperkukuh kerjasama merentas sektor dan membina ekosistem sokongan yang mampan di peringkat akar umbi.**

Segala pelaksanaan ini digerakkan dengan sokongan berterusan daripada Ibu Pejabat APPGM-SDG yang menyediakan panduan teknikal, bahan komunikasi, dan pemantauan strategik.

*Activities of Zones & Regions highlight the implementation of SDG localization efforts across Malaysia through initiatives carried out at the zonal and regional levels. Each zone has conducted issue mapping sessions, inter-agency dialogues, and capacity-building workshops involving key stakeholders, including Members of Parliament, government agencies, communities, and academic institutions. **This approach strengthens cross-sector collaboration and builds a sustainable grassroots support ecosystem.***

All initiatives are carried out with continued support from the APPGM-SDG Headquarters, which provides technical guidance, communication materials, and strategic monitoring.

ZON UTARA | NORTHERN ZONE

30.5 - 1.6.2025

Parlimen Teluk Intan: Lawatan Tapak & Sesi Libat Urus Komuniti Teluk Intan Parliament: Site Visit & Community Engagement

8



Lawatan di sepanjang Sungai Bidor menekankan kepelbagaian biodiversiti, termasuk ikan air tawar dan udang galah, yang penting kepada ekonomi tempatan. Semasa FGD7 bersama 19 penduduk Kampung Gloucester, isu banjir berulang, status pemilikan tanah yang tidak jelas, keperluan penyelenggaraan sungai, dan kesukaran mendapatkan bantuan kerajaan untuk projek pertanian telah dibincangkan. Pasukan itu juga melawat tapak Pelan Rancangan Kampung Tersusun dari tahun 1988 yang belum direalisasikan.

The trip to Sungai Bidor revealed its diverse biodiversity, including freshwater fish and giant prawns that drive the local economy. In FGD7, 19 Kampung Gloucester members discussed frequent floods, uncertain property title, river management, and government funding for agricultural projects. Team visited unfinished 1988 Planned Structured Village Scheme.

3.6.2025

Mesyuarat Penjejak Tugas, Zon Utara Task Tracker Meeting, Northern Zone

9



APPGM-SDG, bersama Dr. Thanaraj, James, Rose, dan Azura, melawat Kampung Orang Asli Sungai Tonggang, Tanjung Rambutan. Komuniti Suku Temiar mengusahakan projek edu-eko pelancongan Kayuh D'Tonggang. Menurut Tok Batin Che Wan, kemudahan asas seperti tandas, tangki air, chalet dan dewan terbuka perlu ditambah baik untuk memperkukuh pelancongan dan ekonomi komuniti. Pertemuan turut diadakan dengan KRT Sungai Terap (Parlimen Gopeng) yang mencadangkan projek kebun komuniti dan Beauty Bliss Skin Care yang mahu melatih ibu tunggal komuniti Cina di Ipoh Timur dalam penjagaan kulit.

APPGM-SDG, Dr. Raj, James, Rose, and Azura visited Kampung Orang Asli Sungai Tonggang, Tanjung Rambutan. GEC's River Care initiative funds the Temiar community's Kayuh D'Tonggang edu-eco tourism project. To encourage tourism and local income, Tok Batin Che Wan suggested improving bathrooms, water tanks, chalets, and a hall. A community garden plan from KRT Sungai Terap (Gopeng) and Beauty Bliss Skin Care, which trains single mothers in Ipoh Timur in skincare, were also discussed.

4.6.2025**Kunjungan Hormat & Perbincangan Kerjasama di Perak***Courtesy Visit & Community Project Discussions at Perak*

10



Kunjungan hormat daripada Stephen dan pasukannya dari ESDA Taiping diadakan bagi membincangkan pembinaan kerjasama dalam menangani isu sosial dalam kalangan belia di Flat Kampung Boyan, Aulong, Taiping. Perbincangan ini membuka ruang untuk kolaborasi lebih erat demi kesejahteraan komuniti.

A courtesy visit by Stephen and his team from ESDA Taiping was held to discuss partnership building to address social issues among youth at Kampung Boyan Flats, Aulong, Taiping. The meeting fostered opportunities for closer collaboration toward community well-being.

4.6.2025**Parlimen Kulim Bandar Baharu: Kunjungan Hormat ke Pejabat Daerah Bandar Baharu***Kulim Bandar Baharu Parliament: Courtesy Visit to District Office of Bandar Baharu*

11



APPGM-SDG Zon Utara telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat bagi berjumpa dengan Pegawai Daerah Bandar Baharu, Tuan Mohd Noor bin Ismail, bagi membincangkan pelaksanaan pemetaan SDG dan perancangan Dialog Inter-Agensi Parlimen Kulim Bandar Baharu. Perbincangan merangkumi cabaran utama daerah seperti kekurangan fasiliti kesihatan, ketiadaan sektor industri utama, tahap kemiskinan tegar, isu pemilikan tanah komersial dan kurangnya tarikan pelancongan. Keperluan pembangunan menyeluruh dikenal pasti untuk perumahan, kemudahan jalan raya, dan ekonomi komuniti setempat.

APPGM-SDG Northern Zone conducted a courtesy visit to the office with the District Officer, Tuan Mohd Noor bin Ismail, to discuss SDG mapping implementation and preparations for the Inter-Agency Dialogue for Kulim Bandar Baharu. Key challenges highlighted during the discussion included lack of health facilities, absence of industrial sectors, hardcore poverty, land ownership barriers, and limited tourism attractions. Broader development needs were identified in areas such as housing, road infrastructure, and community-based economy.

5.6.2025

Kunjungan Hormat ke Projek Literasi di SJKT Buntong*Courtesy Visit to Literacy Programme at SJKT Buntong*

12



James Raj telah mengadakan kunjungan hormat ke Pusat Pendidikan Komuniti Y24-SP200 di SJKT Buntong bagi memantau perkembangan projek Program Literasi Bahasa di Abad ke-21 yang melibatkan 138 murid Tahun 1 hingga Tahun 6. Projek ini disokong oleh APPGM-SDG dan bertujuan memperkasa literasi bahasa dalam kalangan pelajar. Beberapa isu kelewatan pelaporan dan pelaksanaan telah dibincangkan dan diselesaikan semasa lawatan tersebut. Projek dijangka siap sepenuhnya dan laporan akhir akan diserahkan pada akhir Jun 2025.

James Raj visited Community Learning Centre Y24-SP200 at SJKT Buntong to monitor the progress of the 21st Century Language Literacy Programme, supported by APPGM-SDG and benefiting 138 students from Standard 1 to 6. Delays in report submission and timeline adherence were acknowledged and addressed during the visit. The project is on track for completion, with the final report expected by end of June 2025.

5.6.2025

Kunjungan Hormat ke UPEN Perak: Penubuhan Jawatankuasa SDG Peringkat Daerah*Courtesy Visit to UPEN Perak: District-Level SDG Committee Formation*

13



Jabatan Solusi Dasar Zon Utara telah mengadakan kunjungan hormat bersama YBrs. Halizah binti Sipun (Timbalan SUK Pembangunan/Pengarah UPEN) untuk memohon kelulusan penubuhan Jawatankuasa SDG Peringkat Daerah di Perak. Jawatankuasa ini akan melibatkan empat daerah tumpuan APPGM-SDG (Kinta, Kuala Kangsar, Larut, Matang dan Selama, serta Kerian). UPEN bersedia membawa perkara ini kepada YAB Menteri Besar Perak untuk pertimbangan lanjut, bagi memperkukuh pembangunan mampan di peringkat daerah.

The Policy Solutions Department Northern Zone held a courtesy visit to YBrs. Halizah binti Sipun, Deputy State Secretary (Development) and UPEN Director, to seek approval to form district-level SDG Committees. These committees will implement APPGM-SDG policy solutions in Kinta, Kuala Kangsar, Larut, Matang, Selama, and Kerian. UPEN agreed to follow up the approval with the Perak Chief Minister of Perak.

9.6.2025

Majlis Penyerahan Cek BBG Geran Khusus

BBG Special Grant Mock Cheque Presentation

14



APPGM-SDG bersama Perak Caring Association (PCA) telah menyempurnakan majlis penyerahan cek BBG Geran Khusus di pejabat Wilayah Utara MySDG pada 9 Jun 2025. Geran ini diberikan kepada 5 peserta ME Step (Y23-SP087) yang berjaya memulakan perniagaan selepas mengikuti latihan intensif selama 3 bulan dan pemantauan 6 bulan dalam bidang gubahan dan dekorasi. Setiap peserta menerima RM3,000 bagi menyokong pertumbuhan perniagaan mikro komuniti.

APPGM-SDG and the Perak Caring Association (PCA) held the BBG Special Grant mock cheque presentation at the MySDG Northern Region office on 9 June 2025. The grant was awarded to 5 ME Step (Y23-SP087) participants who successfully started microenterprises after 3 months of training and 6 months of mentoring in floral and balloon decoration. Each received RM3,000 to grow their businesses.

10.6.2025

Kunjungan Hormat bersama Pegawai Daerah dan Tanah Barat Daya

Courtesy Visit with the District and Land Officer of Southwest Penang

15



Jabatan Solusi Dasar APPGM-SDG, diwakili oleh Penyelaras Tempatan, Preveena dan Nurul telah bertemu dengan Dato' Rosli binti Hassan, Pegawai Daerah Barat Daya, Pulau Pinang, bagi perbincangan lanjut penubuhan Jawatankuasa SDG Daerah Barat Daya. Perbincangan meliputi pemetaan isu tempatan dan tadbir urus SDG. Dato' Rosli menyambut baik inisiatif, dan menekankan isu keutamaan seperti kebajikan, pertanian, dan perumahan.

APPGM-SDG Policy Solutions Department, represented by Local Coordinators, Preveena and Nurul, met with Dato' Rosli binti Hassan, District Officer of Barat Daya, Penang. The purpose was to propose the establishment of the Barat Daya District SDG Committee. Discussions covered local issue mapping and SDG governance. Dato' Rosli welcomed the initiative, highlighting priority issues such as welfare, agriculture, and housing.

11.6.2025

Kunjungan Hormat bersama Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Negeri Kedah

Courtesy Visit with Deputy State Secretary (Management), Kedah

16



Jabatan Solusi Dasar APPGM-SDG telah mengadakan sesi kunjung hormat dan mesyuarat bersama Dato' Dr. Haji Nadzman Bin Mustaffa, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) dan Ketua Pegawai Digital (CDO), bagi membentangkan cadangan penubuhan Jawatankuasa Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di peringkat negeri dan daerah di Kedah.

The APPGM-SDG Policy Solutions Department held a courtesy visit with Dato' Dr. Haji Nadzman Bin Mustaffa, Deputy State Secretary (Management) and Chief Digital Officer (CDO), to present the proposal for establishing State and District-level Sustainable Development Goals (SDG) Committees in Kedah.

12.6.2025**Parlimen Balik Pulau: Bengkel Pembangunan Kapasiti 12/32***Balik Pulau Parliament: Capacity Building Workshop 12/32***17**

Bengkel Pembangunan Kapasiti Siri ke-12 bagi Parlimen Balik Pulau berjaya berlangsung di Amari Spice Penang, melibatkan 40 peserta dari pelbagai agensi daerah. YBhg. Dato' Rosli bin Halim (Pegawai Daerah Barat Daya) dan YB Dato' Azrul Mahathir bin Aziz (ADUN Bayan Lepas) turut hadir memberi sokongan. Sesi ini menampilkan perkongsian khas daripada YBhg. Dato' TPr Gs. Rozita Abdul Hamit (Pengarah PLANMalaysia Pulau Pinang), yang membincangkan penstrukturan semula pembangunan Balik Pulau ke arah bandar mampan.

The 12th Capacity Building Workshop for the Balik Pulau Parliament was successfully held at Amari Spice Penang, with 40 participants from various district agencies. YBhg. Dato' Rosli bin Halim (Southwest District Officer) and YB Dato' Azrul Mahathir bin Aziz (Bayan Lepas State Assemblyman) were also present to provide their full support. The session featured a special sharing by YBhg. Dato' TPr Gs. Rozita Abdul Hamit, Director of PLANMalaysia Penang, who spoke about the restructuring of Balik Pulau's development towards a sustainable city.

13.6.2025**Lawatan Wakil Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke Kebun Model Ipoh***The Representative from Ministry of Housing and Local Government to Visit the Ipoh Model Farm***18**

Kebun Model Ipoh APPGM-SDG telah menerima lawatan daripada pegawai Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Irwan dan Ahmad, sebagai persediaan kepada lawatan rasmi pihak ibu pejabat KPKT yang dijadualkan pada 3 Julai 2025.

APPGM-SDG's Ipoh Model Farm welcomed officers from the Ministry of Local Government Development (KPKT), Irwan and Ahmad, ahead of the ministry's upcoming HQ visit scheduled for 3 July 2025.

13-14.6.2025**Parlimen Kulim-Bandar Baharu: Pemetaan SDG***Kulim-Bandar Baharu Parliament: SDG Mapping***19**

APPGM-SDG mengadakan sesi *Focus Group Discussion (FGD)* dan lawatan tapak melibatkan nelayan, petani, usahawan wanita, komuniti kampung dan pengusaha eko-pelancongan. Turut hadir YB Roslan bin Hashim, penghulu mukim dan wakil APPGM-SDG. Sesi ini bantu kenal pasti keperluan komuniti dan hala tuju dasar mampan.

APPGM-SDG conducted FGDs and site visits with fishermen, farmers, women entrepreneurs, rural communities, and eco-tourism operators. Attended by MP Roslan bin Hashim, local leaders, and APPGM-SDG. Insights gathered will support inclusive and sustainable policy solutions.

14-15.6.2025

Parlimen Bagan Serai: Pengesahan Awal Isu Pemetaan SDG*Bagan Serai Parliament: Preliminary Validation of Issue Mapping*

20



APPGM-SDG meneruskan proses pengesahan isu-isu pembangunan mampan yang dikenalpasti dalam pemetaan komuniti pada tahun 2022 melalui sesi bersama enam komuniti berbeza di Bagan Serai, Perak. Sesi dikendalikan oleh Penyelaras Tempatan, Zariz Firdaus Zainal bersama komuniti India Dennistown, ibu tunggal, komuniti flat, petani, dan nelayan.

APPGM-SDG conducted a validation process for key community issues identified in the 2022 SDG mapping, engaging six local communities across Bagan Serai. The sessions were led by Local Coordinator Zariz Firdaus Zainal, involving communities from Dennistown Indian residents, single mothers, flat residents, farmers, and fisherfolk.

17.6.2025

Parlimen Padang Rengas: Dialog Antara Agensi (IAD) – Pemetaan Isu*Parlimen Padang Rengas: Inter-Agency Dialogue (IAD) – Parliamentary Issue Mapping*

21



Dialog Antara Agensi (IAD) bagi pemetaan isu Parlimen Padang Rengas telah berjaya dilaksanakan di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Dr. Kamarul Liza binti Hashim, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan Daerah), bersama Syurina binti Shapiai, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Bahagian Pengurusan Tanah). Seramai 23 wakil daripada pelbagai agensi hadir termasuk IPD, JKR, JAS, Jabatan Perhutanan, Lembaga Air Perak, JKM, PERHILITAN, dan agensi teknikal lain, bersama para Penghulu mukim. APPGM-SDG diwakili oleh Dr. Thanaraj (Ketua Zon Utara), Aisyah, Rose Helen dan Azura.

The Inter-agency Dialogue (IAD) for issue mapping in the Padang Rengas parliamentary constituency was successfully held at the Operations Room, Kuala Kangsar District and Land Office. The meeting was chaired by Dr. Kamarul Liza binti Hashim, Chief Assistant District Officer (District Development), alongside Syurina binti Shapiai, Chief Assistant District Officer (Land Management Division). A total of 23 representatives from various government agencies—including the District Police Headquarters, JKR, DOE, Forestry Department, Lembaga Air Perak, JKM, PERHILITAN, and other technical departments—along with local community leaders (Penghulu) were present. APPGM-SDG was represented by Dr. Thanaraj (Northern Zone Head), Aisyah, Rose Helen, and Azura.

17.6.2025

Parlimen Kulim-Bandar Baharu: Sesi Pengutamaan Isu bersama Ahli Parlimen

Kulim Bandar Baharu Parliament: Issue Prioritisation Session with Member of Parliament

22



Satu sesi Pengutamaan Isu bersama YB Tuan Roslan bin Hashim, Ahli Parlimen Kulim Bandar Baharu, telah diadakan di Pusat Khidmat Parlimen Bandar Baharu bagi membincangkan hasil dapatan kajian dan mengenal pasti projek solusi yang berpotensi dilaksanakan. Hasil perbincangan ini, tiga projek telah dipersetujui oleh YB sebagai inisiatif komuniti berasaskan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

An Issue Prioritisation session was held with YB Tuan Roslan bin Hashim, Member of Parliament for Kulim Bandar Baharu, at the Parliamentary Service Centre in Bandar Baharu to review research findings and identify potential community-based solutions. Following the discussion, three micro-solution projects were approved by YB to be implemented in alignment with the Sustainable Development Goals (SDGs).

18.6.2025

Kunjungan Hormat Pra-Majlis Jawatankuasa SDG Daerah Timur Laut

Courtesy Visit: Pre-Council for Northeast District SDG Committee

23



Jabatan Solusi Dasar APPGM-SDG telah mengadakan kunjung hormat bersama Tuan Ismasuhaimi bin Shariff, Pegawai Daerah dan Tanah Timur Laut, bagi membincangkan cadangan penubuhan Jawatankuasa SDG Daerah Timur Laut. Pertemuan ini turut membentangkan dapatan isu-isu pembangunan mampan di Daerah Timur Laut dan Balik Pulau serta cadangan mekanisme tadbir urus dan libat urus pelbagai pihak.

The APPGM-SDG Policy Solutions Department held a courtesy visit with Tuan Ismasuhaimi bin Shariff, District and Land Officer of Northeast District, to present the proposal for establishing the Northeast District SDG Committee. The meeting also addressed key findings from SDG issue mapping in the Northeast District and Balik Pulau, and proposed mechanisms for local governance and stakeholder engagement.

26.6.2025

Tuaian Pertama di Model Ladang Ipoh (Pusingan Kedua)

First Harvest at Ipoh Model Farm (Second Round)

24



Tuaian pertama bagi pusingan kedua penanaman di Model Ladang Ipoh telah dilakukan pada petang ini, susulan daripada program pemindahan anak pokok yang berlangsung pada 17 Mei 2025. James, Rose dan Kavi telah menuai empat biji petola dan satu biji timun dalam tuaian permulaan ini.

The very first harvest of the second planting cycle at the Ipoh Model Farm took place this afternoon, following our transplanting event on 17 May 2025. James, Rose, and Kavi harvested four ridge gourds and one cucumber as part of this early harvest.

27.6.2025

Bimbingan Cadangan Fasa 1 Bersama Pemegang Taruh Zon Utara

Phase 1 Proposal Guidance and Support with Northern Zone Stakeholders

25



Pasukan APPGM-SDG Zon Utara telah memberikan bimbingan dan sokongan secara langsung kepada para pemegang taruh (SP) dalam penyediaan cadangan Fasa 1 mereka. Sesi ini bertujuan memastikan setiap cadangan disusun dengan jelas berasaskan bukti dan selari dengan kerangka Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

The APPGM-SDG Northern Zone team provided hands-on support and guidance to local stakeholders (SPs) in preparing their Phase 1 proposals. The session aimed to ensure proposals are clear, evidence-based, and aligned with the Sustainable Development Goals (SDG) framework.

ZON TENGAH | CENTRAL ZONE

7.6.2025

Lawatan Tapak dan Mesyuarat Koordinator Zon Tengah

Site Visit and Central Zone Coordinators Meeting

26



Gabriel, Santhra dan Giri, Penyelaras Tempatan Zon Tengah, telah mengadakan lawatan tapak dan mesyuarat bersama Tan serta ahli Persatuan Kebajikan Kelestarian Komuniti Kuala Lumpur di Parlimen Cheras. Agenda merangkumi sesi bersama Jawatankuasa RA Taman Supreme, tinjauan lokasi pembangunan melampau, serta pengumpulan senarai organisasi komuniti sebagai rakan strategik untuk Program MPI dan pembangunan kapasiti.

Gabriel, Santhra, and Giri, the Central Zone Local Coordinators, conducted a site visit and meeting with Tan and Kuala Lumpur Residents Action For Sustainable Development Association members in the Cheras Parliamentary constituency. The agenda included a session with the Taman Supreme RA Committee, a survey of areas identified with overdevelopment issues, and compiling a list of community-based organizations to serve as strategic partners for MPI Programs and capacity building in this zone.

10.6.2025

Parlimen Sungai Besar: Lawatan Tapak Projek APPGM-SDG

Sungai Besar Parliament: APPGM-SDG Project Site Visit

27



Faiz, Pegawai Jabatan Pengurusan Projek, telah melawat dua projek komuniti di Parlimen Sungai Besar, Selangor: Kelas Tuisyen SPM (Y24-SP259) dan Projek Penanaman Bakau Sungai Haji Dorani (Y24-SP186). Lawatan bermula di SMK Sungai Besar, Faiz mengadakan perbincangan bersama Pengetua dan projek koordinator, Cik Huda, mengenai program kelas tuisyen. Seterusnya, Faiz meninjau lokasi pemuliharaan bakau di Pantai Tebok Marso dan bertemu Encik Adam (Kelab Belia Komuniti Sungai Haji Dorani) untuk mendapatkan maklumat terkini tentang penanaman bakau dan penglibatan komuniti.

Faiz, Project Management Department Officer, had monitored two community projects in the Sungai Besar Parliament, Selangor: the SPM Tuition Classes (Y24-SP259) and the Sungai Haji Dorani Mangrove Planting Project (Y24-SP186). He started at SMK Sungai Besar, discussing the tuition program's implementation and impact with the Principal and program coordinator Ms Huda. Faiz then visited the mangrove conservation site at Pantai Tebok Marso, Sungai Haji Dorani, where he met Mr. Adam, Treasurer of the Sungai Haji Dorani Community Youth Club, who updated him on the planting activities and community involvement in the conservation efforts.

13.6.2025**Perbincangan Zon Tengah bersama Penyelaras Tempatan***Central Zone Discussion with Local Coordinators***28**

Pasukan APPGM-SDG Zon Tengah bersama Penyelaras Tempatan bagi kawasan Cheras, Lembah Pantai, Batu, Bentong dan Petaling telah mengadakan sesi perbincangan strategik hari ini. Perbincangan ini bertujuan menyelaraskan kini gerak kerja lapangan dan menyusun semula sasaran bagi sesi libat urus komuniti serta pelaksanaan program-program Yayasan Hasanah (YH) di Zon Tengah.

APPGM-SDG Central Zone team, along with Local Coordinators from Cheras, Lembah Pantai, Batu, Bentong, and Petaling, held a strategic discussion session today. The discussion focused on updating fieldwork progress and aligning targets for upcoming community engagement efforts and Yayasan Hasanah (YH) programmes across the Central Zone.

16.6.2025**Parlimen Sabak Bernam: Mesyuarat Dialog Antara Agensi (IAD) – Pemetaan Isu***Sabak Bernam Parliament: Inter-Agency Dialogue (IAD) – Parliamentary Issue Mapping***29**

Dialog Antara Agensi (IAD) bagi pemetaan isu di Parlimen Sabak Bernam telah berjaya dilaksanakan di Pejabat Daerah Sabak Bernam. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, Ali Sadikin, bersama Zainal (KADO) dan Farah (ADO). Seramai 18 orang wakil daripada pelbagai agensi dan badan berkaitan termasuk Majlis Daerah Sabak Bernam, PAID, PPD, IPD, JKM, Pejabat Belia dan Sukan, JKR, JPJ, dan JPS telah hadir dan berkongsi input penting dalam sesi ini. APPGM-SDG diwakili oleh Syadhira (Ketua Penyelidik), Syaza, Anthony Tan dan Prof. Zainal.

The Intergency Dialogue (IAD) for issue mapping in the Sabak Bernam parliamentary constituency was successfully held at the Sabak Bernam District Office. The meeting was chaired by the District Officer, Mr. Ali Sadikin, together with Mr. Zainal (Chief Assistant District Officer – Development) and Farah (Assistant District Officer). A total of 18 representatives from various agencies and related bodies participated, including the Sabak Bernam District Council, District Religious Office (PAID), District Education Office (PPD), District Police Headquarters (IPD), JKM, Youth and Sports Department, JKR, JPJ, and JPS. APPGM-SDG was represented by Syadhira (Lead Researcher), Syaza, Anthony Tan, and Prof. Zainal.

18.6.2025

Perjumpaan Awalan Penyelaras Tempatan (LC) Petaling bersama Ketua KRT Taman Medan

Preliminary Meeting between Local Coordinators Petaling and KRT Taman Medan

30

Penyelaras Tempatan (LC) Petaling, Arunagiri telah mengadakan perjumpaan awal bersama Ketua Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Medan sebagai persediaan bagi sesi Focus Group Discussion (FGD) di bawah pemetaan isu Parlimen Petaling (Zon Tengah). Ahli Majlis Zon Taman Medan dan Dato' Harun, Mohd Nabil, turut menyatakan persetujuan untuk mengadakan pertemuan lanjutan pada 25 Jun 2025 bagi membincangkan isu dan potensi intervensi secara lebih terperinci.

Arunagiri, the Local Coordinator (LC) for Petaling, held a preliminary meeting with the Chief of the Rukun Tetangga (KRT) for Taman Medan as part of preparations for the upcoming Focus Group Discussion (FGD) under the issue mapping for the Petaling constituency (Central Zone). The Taman Medan Zone Councillor and Dato' Harun, Mr. Mohd Nabil, have agreed to a follow-up meeting scheduled for 25 June 2025 to explore these matters in greater depth.

20.6.2025

Perjumpaan Perancangan FGD – Lembah Subang 2

FGD Planning Meeting – Lembah Subang 2

31

Arunagiri telah mengadakan sesi perjumpaan bersama beberapa ketua blok dan ketua Rukun Tetangga dari kawasan Lembah Subang 2 bagi merancang pelaksanaan Focus Group Discussion (FGD) yang akan datang. Perbincangan ini bertujuan mendapatkan kerjasama dalam mengumpulkan lebih ramai pemimpin komuniti serta mengenal pasti kumpulan-kumpulan tempatan yang terkesan untuk penglibatan dalam sesi FGD tersebut.

Arunagiri held a planning session with several block leaders and Rukun Tetangga representatives from Lembah Subang 2 to coordinate the upcoming Focus Group Discussion (FGD). The meeting aimed to gain their support in reaching out to other community leaders and identifying local affected groups to participate in the upcoming FGD session.

24.6.2025

Mesyuarat Libat Urus Bersama Pejabat Ahli Parlimen Lembah Pantai

Engagement Meeting with Lembah Pantai MP's Office

32

Penyelaras Tempatan APPGM-SDG bagi Parlimen Lembah Pantai dan Petaling, Santhra dan Arunagiri, telah mengadakan sesi libat urus bersama Izhar (Setiausaha Politik kepada YB Menteri Komunikasi), Rosli dan Michelles dari MPPWP Subzon 3 Lembah Pantai. Mesyuarat ini bertujuan memperkenalkan peranan APPGM-SDG serta membincangkan cadangan pelaksanaan Program Latihan Capacity Building yang dijadualkan berlangsung pada Ahad, 27 Julai 2025 di IWK Eco Park, Pantai Dalam.


APPGM-SDG Local Coordinators for Lembah Pantai and Petaling, Santhra and Arunagiri, held an engagement session with Izhar (Political Secretary to the Minister of Communications), Rosli, and Michelles from MPPWP Subzone 3 Lembah Pantai. The meeting introduced the APPGM-SDG's roles and objectives, and discussed a proposed Capacity Building Training Programme scheduled for Sunday, 27 July 2025 at IWK Eco Park, Pantai Dalam.

ZON PANTAI TIMUR / EAST COAST ZONE

5.6.2025

Mesyuarat Pemantauan Tugas, Zon Pantai Timur East Coast Zone Task Tracker Meeting

33



Jabatan Solusi Dasar telah mengadakan mesyuarat penyelarasan tugas bersama Penyelaras Tempatan Zon Pantai Timur bagi menilai kemajuan projek dan memastikan keselarasan hasil kerja. Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan, Paniir dan turut dihadiri oleh Dr. Siti (Ketua Zon Pantai Timur), bersama Faros dan Athirah. Kesemua sembilan penyelarasan tempatan turut hadir.

The Policy Solutions Department held a task tracker meeting with East Coast Zone Local Coordinators to review progress and align on key deliverables. The session was led by Paniir, Director of the department, and attended by Dr. Siti (Head of East Coast Zone), along with Faros and Athirah. All nine LCs participated.

2-4.6.2025

Parlimen Jeli: FGD Pengesahan Isu Jeli Parliament: Issue Validation FGD

34



APPGM-SDG melalui Jabatan Solusi Dasar telah menjalankan Sesi Libat Urus Pengesahan Isu (FGD) bagi Parlimen Jeli selama tiga hari berturut-turut, bermula 2 hingga 4 Jun 2025. Sesi ini melibatkan pelbagai segmen komuniti termasuk komuniti petani dan penternak, wanita (suri rumah dan ibu tunggal), belia, komuniti NGO serta komuniti Orang Asli.

APPGM-SDG, through the Department of Policy Solutions, successfully conducted a three-day series of Focus Group Discussions (FGDs) for issue validation in the Jeli constituency from 2 to 4 June 2025. The sessions engaged various community segments including farmers and livestock breeders, women (housewives and single mothers), youth, NGOs, and the Orang Asli community.

13.6.2025**Parlimen Kuala Nerus: Sesi Libat Urus Komuniti***Kuala Nerus Parliament: Community Engagement Session***35**

Jabatan Solusi Dasar (Zon Pantai Timur) telah mengadakan sesi FGD bagi pengesahan isu di Parlimen Kuala Nerus yang melibatkan empat kumpulan komuniti utama iaitu Komuniti Nelayan Kg. Batin, Komuniti Ibu Tunggal di Seberang Takir, Komuniti Cina Kg. Pulau Baru dan Komuniti Warisan Tradisi Lambo Sari.

The Policy Solutions Department (East Coast Zone) conducted Focus Group Discussions (FGDs) to validate local issues in Kuala Nerus parliamentary constituency, engaging four key community groups: the Fishermen Community of Kg. Batin, Single Mothers of Seberang Takir, Chinese Community of Kg. Pulau Baru, and the Lambo Sari Traditional Heritage Community.

14.6.2025**Parlimen Bera: Sesi Libat Urus Komuniti***Bera Parliament: Community Engagement Session***36**

Jabatan Solusi Dasar (Zon Pantai Timur) telah melaksanakan sesi FGD bagi pengesahan isu di Parlimen Bera dengan penglibatan tiga kumpulan komuniti utama iaitu Komuniti FELDA Taman Lamanda, Pengusaha Tembikai Susu Kg. Bukit Serdang dan Pengusaha Sawah Padi Kuala Bera. Sesi ini turut dibantu oleh Ketua-ketua Kampung Kuala Bera, Bukit Serdang dan Triang 3 serta Pengerusi Pertubuhan Penduduk Taman Lamanda.

The Policy Solutions Department (East Coast Zone) conducted FGDs to validate local issues in the Bera parliamentary constituency with three main community groups: FELDA Taman Lamanda Community, Honeydew Melon Farmers of Kg. Bukit Serdang, and Paddy Farmers of Kuala Bera. The sessions were supported by village heads from Kuala Bera, Bukit Serdang, and Triang 3, as well as the Chairman of the Taman Lamanda Residents' Association.

21-23.6.2025

Parlimen Tumpat: Pengesahan Isu*Tumpat Parliament: Issue Validation*

37



Jabatan Solusi Dasar Zon Pantai Timur telah menjalankan sesi pengesahan isu bersama sembilan komuniti di Parlimen Tumpat, termasuk komuniti nelayan pantai, ibu tunggal, usahawan kraftangan, peserta agro ternak, belia dan komuniti Pulau Suri. Turut hadir di Pulau Suri pada hari kedua ialah Prof. Datuk Dr. Denison, Mr. James, Mr. Paniir, Dr. Sue, Dr. Eva, Mel dan Ira.

The East Coast Zone Policy Solutions Department successfully conducted issue validation sessions with nine communities in Tumpat, including coastal fishermen, single mothers, craft entrepreneurs, agro-farmers, youth, and island communities. Present on Day 2 in Pulau Suri were Prof. Datuk Dr. Denison, Mr. James, Mr. Paniir, Dr. Sue, Dr. Eva, Mel and Ira.

22.6.2024

Perbincangan Projek bersama Ketua Zon Pantai Timur*Project Discussion with East Coast Zone Head*

38



Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria telah bertemu dengan Dr. Siti, Ketua Zon Pantai Timur bagi membincangkan pelaksanaan projek dan pengurusan di Pusat Komuniti SDG Pantai Timur. Perbincangan ini bertujuan untuk memperkukuh peranan pusat komuniti sebagai pemacu pembangunan mampan di peringkat akar umbi.

Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria met with Dr. Siti, Head of Zone for the East Coast, to discuss ongoing projects and management at the SDG Community Centre in Pantai Timur. The discussion focused on strengthening the centre's role in advancing sustainable development at the grassroots level.

25-26.6.2025
Parlimen Rantau Panjang: Sesi FGD Pengesahan Isu oleh Jabatan Solusi Dasar Zon Pantai Timur

Rantau Panjang Parliament: FGD Issue Validation Sessions in by East Coast Zone Policy Solutions Department

39



APPGM-SDG melalui Jabatan Solusi Dasar Zon Pantai Timur telah mengadakan sesi Focus Group Discussion (FGD) Pengesahan Isu bersama enam komuniti setempat di Parlimen Rantau Panjang pada 25 dan 26 Jun 2025. Antara komuniti yang terlibat ialah Komuniti OKU PPDK Kasturi, Komuniti Cina Pasir Parit, Komuniti Penternak Ikan Sangkar Sungai Tok Uban, Komuniti Belia Apam Putra, Komuniti Warga Emas, serta Komuniti Petani dan Penoreh. Sesi ini turut mendapat kerjasama daripada pemimpin akar umbi seperti Nazira, En Chow Law, En Sukri Deraman, En Takiyuddin, Rokiah dan En Wan Zain yang membantu mengumpulkan wakil komuniti masing-masing.

APPGM-SDG, through the East Coast Zone Policy Solutions Department, held a series of Focus Group Discussions (FGDs) with six local communities in the Rantau Panjang parliamentary area on 25 and 26 June 2025. The participating groups included the OKU community of PPDK Kasturi, the Chinese community of Pasir Parit, fish cage breeders of Sungai Tok Uban, Apam Putra youth, senior citizens, and the farmers and rubber tappers community. These sessions were made possible through the support of grassroots leaders including Nazira, En Chow Law, En Sukri Deraman, En Takiyuddin, Rokiah, and En Wan Zain.

27.6.2025
Lawatan Pemantauan Projek Keterjaminan Makanan di Kuala Terengganu

Food Security Project Monitoring Visit in Kuala Terengganu

40



Satu lawatan pemantauan projek di bawah kluster Keterjaminan Makanan (FS) telah dijalankan oleh Dr Siti Nur Ain dan Syza di Kuala Terengganu. Lawatan ini bertujuan menilai kemajuan semasa projek kebun komuniti yang sedang dijalankan oleh rakan solusi setempat.

A monitoring visit under the Food Security (FS) cluster was conducted by Dr Siti Nur Ain and Syza in Kuala Terengganu. The visit aimed to assess the current status of a community farming project being implemented by a local solution partner.

28.6.2025
Townhall NGO Terengganu bersama APPGM-SDG Zon Pantai Timur
Terengganu NGO Townhall with APPGM-SDG East Coast Zone

41



Urusetia Belia Sukan dan NGO Terengganu (UBSNT) telah menganjurkan satu sesi Townhall NGO bertempat di Dewan Serindit, Bandar Al-Wathiqu Billah, Kuala Nerus. Seramai 80 peserta mewakili NGO dalam Kluster Rekreasi, Kebudayaan, Kesenian dan Hak Asasi telah menghadiri sesi ini. Dr Siti Nur Ain telah dijemput sebagai penceramah bagi menyampaikan sesi Pengenalan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan Peluang Penajaan. Sesi turut diserikan dengan perkongsian pengalaman oleh Sarinah dari Lambo Sari, yang merupakan rakan solusi APPGM-SDG.

Urusetia Belia Sukan dan NGO Terengganu (UBSNT) organized a Townhall session for NGOs at Dewan Serindit, Bandar Al-Wathiqu Billah, Kuala Nerus. The session gathered 80 participants from NGOs under the clusters of Recreation, Culture, Arts, and Human Rights. Dr Siti Nur Ain was invited as a speaker to deliver a presentation on the Introduction to Sustainable Development Goals (SDGs) and Funding Opportunities. The session also featured an inspiring sharing by Sarinah from Lambo Sari, an APPGM-SDG solution partner.

29.6.2027
Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara Daerah Tumpat
Tumpat District-level National Youth Consultative Council Conference

42



APPGM-SDG Zon Pantai Timur telah dijemput sebagai pemerhati dalam Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) Peringkat Daerah Tumpat Tahun 2025 yang telah dianjurkan oleh Pejabat Belia dan Sukan Daerah Tumpat. Persidangan ini berlangsung di Bilik Gerakan Pejabat Tanah dan Jajahan Tumpat dan dipengerusikan oleh Ketua Jajahan Tumpat, YABrs. Mohamad Nazwan Bin Ismail. Turut serta dalam sesi ini ialah agensi-agensi utama berkaitan pembangunan belia seperti IKBN, GiatMara, Jabatan Kesihatan, PDRM, Pejabat Pendidikan Daerah dan Exco Majlis Belia dari seluruh kawasan Tumpat. Kehadiran wakil APPGM-SDG, Dr Siti Nur Ain bersama Penyelaras Tempatan, Nur Syahida.

APPGM-SDG East Coast Zone was invited to observe the 2025 District-level National Youth Consultative Council (MPBN) Conference organized by the Tumpat District Youth and Sports Office. The session took place at the Operations Room of the Tumpat Land and District Office and was chaired by the Tumpat District Officer, YABrs. Mohamad Nazwan Bin Ismail. The conference brought together key agencies involved in youth empowerment such as IKBN, GiatMara, the Health Department, Royal Malaysia Police (PDRM), District Education Office, and Youth Council representatives across Tumpat. The presence of APPGM-SDG representatives, Dr Siti Nur Ain and Local Coordinator Nur Syahida

ZON SELATAN | SOUTHERN ZONE

3.6.2025

Parlimen Pulau: Mesyuarat Pra-Dialog Antara Agensi

Pulai Parliament: Pre Inter-Agency Dialogue Meeting

43



Mesyuarat Pra-Dialog Antara Agensi bagi Parlimen Pulau telah diadakan di Pejabat Daerah Johor Bahru, dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, Tuan Mohd Masni bin Wakiman, bersama Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan Fizikal), Tuan Mohd Hasif bin Azman serta Penghulu Mukim Tebrau dan Perling. Wakil APPGM-SDG, Dr. Teo Lee Ken, Aisyah dan Shaqib membentangkan isu utama serta keutamaan pembangunan mampan yang dikenal pasti melalui libat urus komuniti. Mesyuarat ini adalah persediaan awal untuk Dialog Agensi pada 25 Jun 2025.


District Officer Tuan Mohd Masni bin Wakiman chaired the Pulau constituency Pre-IAD meeting at the Johor Bahru District Office. Assistant District Officer (Physical Development) Tuan Mohd Hasif bin Azman and Mukim Tebrau and Perling village chiefs attended. APPGM-SDG delegates Dr. Teo Lee Ken, Aisyah, and Shaqib summarised community engagement session topics and sustainable development priorities. This meeting was a prelude to the 25 June 2025 Agency Dialogue Session.

4.6.2025

Mesyuarat Pemantauan Tugasan, Zon Selatan

Southern Zone Task Tracker Meeting

44



Mesyuarat Penyerasan Tugas bersama Penyelaras Tempatan Zon Selatan telah diadakan bagi menyelaraskan kemajuan projek dan memastikan kefahaman bersama terhadap hasil utama yang disasarkan. Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Penyelesaian Dasar, Paniir, dan turut disertai oleh Dr. Wan (Zon Selatan), Faros dan Athirah. Semua lapan Penyelaras Tempatan Zon Selatan turut hadir.

A task tracker meeting was held with Southern Zone LCs to align project progress and ensure shared clarity on key outcomes. The session was led by Mr. Paniir (Director of Policy Solutions), joined by Dr. Wan (Southern Zone), Faros, and Athirah. All eight Southern Zone LCs were in attendance.

17.6.2025

Parlimen Batu Pahat & Sri Gading: Sesi Dialog Antara Agensi – Pemetaan Isu

Parlimen Batu Pahat & Sri Gading Parliaments: Inter Agency Dialogue Session – Issue Mapping

45



Sesi dialog bersama agensi kerajaan bagi Parlimen Batu Pahat dan Sri Gading telah berlangsung di Pejabat Daerah Batu Pahat bertujuan mendapatkan maklum balas terhadap isu-isu yang dikenal pasti dalam kedua-dua kawasan parlimen. Sesi ini dipengerusikan oleh Penolong Pegawai Daerah (ADO), Mohd Faizuddin Azmi dan dihadiri oleh 26 wakil agensi termasuk dua wakil parlimen Batu Pahat dan Sri Gading.

A dialogue session with government agencies for the Batu Pahat and Sri Gading parliamentary constituencies was held at the Batu Pahat District Office to gather feedback on key issues identified in both areas. The discussion focused on four key dimensions of sustainable development: social, economic, environmental, and governance. Chaired by Assistant District Officer (ADO) Mr. Mohd Faizuddin Azmi, the session was attended by 26 representatives from various agencies, including two parliamentary representatives from Batu Pahat and Sri Gading.

18.6.2025

Semakan Lokasi & Perbincangan Pelaksanaan MPI bersama YB Ahli Parlimen Mersing

Review & Finalisation of MPI Locations with YB Member of Parliament for Mersing

46



Penyelaras Tempatan Mersing, Elly, telah mengadakan pertemuan bersama YB Ahli Parlimen Mersing YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas bagi menyemak semula dokumen pelaksanaan dan memuktamadkan lokasi kajian Multidimensional Poverty Index (MPI) di kawasan Parlimen Mersing.

The Local Coordinator for Mersing, Elly, met with the YB Member of Parliament for Mersing YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas to review documentation and finalise the selected locations for the Multidimensional Poverty Index (MPI) study in the constituency.

19.6.2025

Perjumpaan Awal Pelaksanaan MPI & Mesyuarat SDG

Preliminary Meeting on MPI Implementation & SDG Committee – Kuala Pilah Parliament

47



Satu perjumpaan telah diadakan pada 19 Jun 2025 oleh Penyelaras Tempatan Kuala Pilah, Amirul, bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah (KADO) Kuala Pilah, Zamrizam, dan wakil Parlimen Kuala Pilah. Perbincangan awal ini menyentuh pelaksanaan kajian kemiskinan pelbagai dimensi (MPI) serta persediaan Mesyuarat Jawatankuasa SDG Daerah.

A preliminary discussion was held on 19 June 2025 by Local Coordinator for Kuala Pilah, Mr. Amirul, with Kuala Pilah District Office's Chief Assistant District Officer (KADO), Mr. Zamrizam, and the Parliament representative. The meeting addressed the implementation of the Multidimensional Poverty Index (MPI) study and the preparation for the SDG Committee Meeting.

19.6.2025

Perjumpaan bersama Wakil Parlimen Kuala Pilah*Meeting with Kuala Pilah Parliamentary Representative*

48



Satu perjumpaan telah diadakan bersama wakil Parlimen Kuala Pilah, Shafri, di Pejabat Parlimen bagi membincangkan pelaksanaan kajian APPGM-SDG di kawasan tersebut. Alhamdulillah, beliau menyambut baik inisiatif ini dan mencadangkan agar sukarelawan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dilantik sebagai enumerator.

A meeting was held with Mr. Shafri, the representative of Kuala Pilah Parliament, at the Parliamentary Office to discuss the APPGM-SDG study implementation in the area. He welcomed the initiative and suggested that volunteers from the Social Welfare Department (JKM) serve as enumerators.

24.6.2025

Mesyuarat Jawatankuasa Intervensi Dasar SDG Peringkat Daerah Mersing*District-Level SDG Policy Intervention Committee Meeting, Mersing*

49



Mesyuarat Jawatankuasa Intervensi Dasar SDG peringkat daerah Mersing telah diadakan pada 24 Jun 2025 di Pejabat Daerah Mersing dan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Mersing Tuan Haji Jamil Hasni Bin Abdullah. Perbincangan ini melibatkan kehadiran 25 agensi pelbagai sektor, yang memberi maklum balas memberangsangkan serta komitmen penuh terhadap usaha intervensi dasar berteraskan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

The District-Level SDG Policy Intervention Committee meeting for Mersing was held on 24 June 2025 at the Mersing District Office, chaired by the Mersing District Officer Tuan Haji Jamil Hasni Bin Abdullah.

25.6.2025

Mesyuarat Jawatankuasa Intervensi Dasar SDG Peringkat Daerah Muar*District-Level SDG Policy Intervention Committee Meeting, Muar*

50



Mesyuarat Jawatankuasa Intervensi Dasar SDG peringkat daerah Muar telah berlangsung pada 25 Jun 2025 di Pejabat Daerah Muar dan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Muar, Tuan Haji Zainal Eran. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Muar, Tuan Haji Norizan Mohd turut hadir bersama 16 agensi utama dalam sesi ini. APPGM-SDG diwakili oleh Dr Wan (Ketua Zon Selatan), Amira (Penyelaras Tempatan Muar), Elly (Penyelaras Tempatan Parlimen Mersing), Seri (Penyelaras Tempatan Jelebu) dan Aina (Penyelaras Tempatan Tangga Batu).

The District-Level SDG Policy Intervention Committee meeting in Muar was held on 25 June 2025 at the Muar District Office, chaired by the District Officer, Tuan Haji Zainal Eran. Also present were the President of the Muar Municipal Council, Tuan Haji Norizan Mohd, along with 16 key agencies. APPGM-SDG was represented by Dr Wan (Southern Zone Lead), Amira (Local Coordinator for Muar), Elly (Local Coordinator for Mersing), Seri (Local Coordinator for Jelebu), and Aina (Local Coordinator for Tangga Batu).

WILAYAH SARAWAK / SARAWAK REGION

9.6.2025

Pejabat Daerah Selangau: Kunjungan Hormat

Selangau District Office: Courtesy Visit

51



Pasukan PSD Wilayah Sarawak bersama Penyelaras Tempatan, Sadang Paing, telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Daerah Selangau baru-baru ini. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Penolong Pegawai Daerah, Tuan Chua Siong Wei, dan turut dihadiri wakil Pejabat Residen Sibu. Kunjungan ini bertujuan untuk memperkenalkan inisiatif APPGM-SDG serta mencadangkan penubuhan Jawatankuasa SDG pelbagai agensi di peringkat Bahagian Sibu.

The Sarawak Regional PSD Team together with Local Coordinator Sadang Paing, paid a courtesy visit to the Selangau District Office recently. The meeting was chaired by Assistant District Officer (ADO) Chua Siong Wei and attended by representatives from the Sibu Resident's Office. The visit aimed to introduce the APPGM-SDG initiative and propose the formation of a Multi-agency Divisional Level SDG Committee in Sibu Division.

10.6.2025

Pejabat Residen Bintulu: Kunjungan Hormat

Bintulu Resident Office: Courtesy Visit

52



Pasukan PSD Wilayah Sarawak juga telah mengadakan sesi kunjung hormat ke Pejabat Residen Bintulu yang disambut mesra oleh YBhg. Datu Nyurak Ketu bersama Tuan Calvin Ligong (Pegawai Daerah Tatau), pegawai-pegawai daripada pelbagai unit Pejabat Residen, Tony Emat (Pegawai Khas kepada YB Tuan Edwin anak Banta, Ahli Parlimen P214 Selangau), serta wakil Pejabat ADUN N60 Kakus, Nyelang. Sesi ini juga diketuai oleh Penyelaras Tempatan Selangau, Sadang Paing, yang membentangkan inisiatif APPGM-SDG serta cadangan penubuhan Jawatankuasa SDG pelbagai agensi di peringkat bahagian.

The Sarawak Regional PSD Team also conducted a courtesy visit to the Bintulu Resident's Office, where they were warmly received by YBhg. Datu Nyurak Ketu, along with Mr. Calvin Ligong (District Officer of Tatau), officers from various units of the Resident's Office, Mr. Tony Emat (Special Officer to YB Tuan Edwin anak Banta, Member of Parliament for P214 Selangau), and Mr. Nyelang, representative from the N60 Kakus State Assemblyman's Office. The session was also led by the Local Coordinator for Selangau, Sadang Paing, who presented the APPGM-SDG initiative and proposed the establishment of a Multi-agency Divisional Level SDG Committee.

14.6.2025

Majlis Pembukaan Semula Borneo Life

Borneo Life Reopening Ceremony

53



Pejabat Wilayah Sarawak telah menghadiri majlis perasmian semula Borneo Life, sebuah premis runcit yang dahulunya dikenali sebagai WormingUp. Majlis ini turut menandakan penggabungan strategik Borneo Life bersama SustaiNation, Persatuan Teknologi Sains Hijau Malaysia, dan Fly Technology Agriculture — kesemuanya merupakan Rakan Solusi APPGM-SDG di bawah projek CBDP dan Keterjaminan Makanan. Borneo Life kini beroperasi di Jalan Padungan dan menampilkan pelbagai produk tempatan seperti makanan, snek, kraftangan Sarawak serta barangan kitar semula daripada kain denim terpakai. Antara yang hadir ialah penerima manfaat dari Kampung Haji Baki, yang terlibat dalam projek kitar semula yang dibiayai oleh APPGM-SDG pada tahun 2024.

The Sarawak Regional Office was invited to the reopening of Borneo Life, formerly known as WormingUp, following its strategic merger with SustaiNation, Green Science Technology Association Malaysia, and Fly Technology Agriculture. All four entities have previously served as Solution Providers under APPGM-SDG's Community-Based Development Programme (CBDP) and Food Security projects. Borneo Life now operates as a retail outlet in the historic Padungan Street featuring locally made products, including Sarawakian food, snacks, handicrafts, and upcycled items crafted from used denim. Also present at the event were beneficiaries from Kampung Haji Baki, whose upcycling initiative was funded by APPGM-SDG in 2024.

15.6.2025

Lawatan ke Pusat Pembelajaran Komuniti 'The Learning Music Centre'

Visit to Community Learning Centre 'The Learning Music Centre'

54



Mel dan Dr. Eva telah melawat Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC) kendalian Mr. Nicholas Bamphield di Sibu, yang baru sahaja memulakan kerja-kerja pengubahsuaian sehari sebelumnya. CLC ini menumpukan kepada pembangunan belia berumur 15 hingga 25 tahun melalui kurikulum alternatif berasaskan muzik kumpulan (band music). Peserta akan menerima latihan vokal serta bimbingan dalam alat muzik seperti dram dan gitar.

Mel and Dr. Eva visited Mr. Nicholas Bamphield's Community Learning Centre (CLC) in Sibu, which had just begun renovation works the day before. The CLC focuses on equipping youth aged 15 to 25 with alternative music-based curricula, offering vocal coaching and instrumental training in drums and guitar.

16.6.2025

Kunjungan Hormat ke Pejabat Residen Sarikei

Courtesy Visit to Sarikei Resident's Office

55



Pasukan PSD Sarawak telah mengadakan kunjungan hormat keenam ke YBhg. Datu Micheal Ronnie Langgong, Residen Bahagian Sarikei, dan Penolong Pegawai Daerah Pakan, Janet anak Boondar. Kunjungan tersebut telah disambut mesra dengan maklum balas yang amat positif daripada kedua-dua pihak. Tujuan lawatan ini adalah untuk memperkenalkan Inisiatif Penyelesaian Dasar (Policy Solution Initiative, PSI) serta membentangkan penemuan utama hasil pemetaan isu yang telah dijalankan di kawasan parlimen Julau, Tanjung Manis dan Igan. Dalam perbincangan tersebut, Datu Micheal turut menekankan isu sekolah daif serta cabaran keselamatan makanan semasa bencana. Beliau menyatakan sokongan penuh terhadap pelaksanaan PSI dan bersemangat untuk memulakan inisiatif penubuhan Jawatankuasa SDG pelbagai agensi di peringkat bahagian di Bahagian Sarikei.

The Sarawak PSD team conducted its 6th courtesy visit to YBhg. Datu Micheal Ronnie Langgong, Resident of Sarikei, and Assistant District Officer for Pakan District, ADO Janet anak Boondar. The delegation was warmly received, with encouraging feedback from both offices. The visit aimed to introduce the Policy Solution Initiative (PSI) and share key findings from previous issue mapping exercises conducted in Julau, Tanjung Manis, and Igan constituencies. During the engagement, Datu Micheal highlighted pressing concerns, including the poor condition of dilapidated schools and food security challenges during disaster periods. He expressed strong support for the PSI and conveyed enthusiasm to begin implementation of the Multi-agency Divisional Level SDG Committee in Sarikei Division.

30.6.2025

Pameran Aspire Programme

Aspire Programme Exhibition

56



Melissa Reine menghadiri pameran Aspire Programme yang dianjurkan oleh The Brooke Trust dan Brooke Museums, memfokuskan kepada usaha meningkatkan kemahiran belia di pusat tahanan juvana melalui seni tradisional Sarawak iaitu keringkam. Tahun lalu, Melissa berkesempatan melawat para peserta program ini bersama Miss Saliza dan Jason Brooke. Disokong oleh Yayasan Hasanah, Aspire kini memasuki fasa transisi untuk menyokong proses integrasi semula graduan ke dalam masyarakat.


Melissa Reine attended the Aspire Programme exhibition organised by The Brooke Trust and the Brooke Museums, focusing on upskilling youths in juvenile detention through the traditional Sarawak art of keringkam. Last year, Melissa had the opportunity to visit the incarcerated youths involved in the programme, alongside Miss Saliza and Jason Brooke. Sponsored by Yayasan Hasanah, the Aspire Programme is now entering a transitional phase, supporting its graduates in reintegrating into society.

WILAYAH SABAH | SABAH REGION

3.6.2025

Perbincangan Kerjasama APPGM-SDG dan Yayasan Hasanah APPGM-SDG and Yayasan Hasanah Partnership Discussion

57



APPGM-SDG dan Yayasan Hasanah mengadakan perbincangan untuk mengeratkan kerjasama pembangunan komuniti di Sabah. APPGM-SDG membentangkan projek komuniti kita di Sabah. kepda wakil Yayasan Hasanah dan turut berkongsi pandangan untuk pembangunan mampan, termasuk kemas kini dasar dan penubuhan Jawatankuasa Induk SDG Negeri Sabah. Perbincangan ini membuka peluang untuk memperkasa komuniti Sabah.

APPGM-SDG and Yayasan Hasanah held a meeting to discuss about livelihood development programs in Sabah. The APPGM-SDG exhibited current projects that met local community needs. Lakshwin and Hasbe (Yayasan Hasanah) was provided with policy updates and helped construct the Sabah State SDG Steering Committee with the Sabah Maju Jaya Secretariat for sustainable development. This relationship lays the groundwork for effective Sabah community work.

4.6.2025

Penubuhan Jawatankuasa SDG Daerah Keningau Formation of Keningau District SDG Inter-Agency Policy Committee

58



Mesyuarat penubuhan Jawatankuasa SDG Dasar Intervensi Antara Agensi Peringkat Daerah Keningau telah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Keningau, Tuan Peter Jonu Moinjil dan disertai 13 agensi kerajaan. APPGM-SDG diwakili oleh Fazlina (Ketua Wilayah Sabah), Fatimah (Pegawai Polisi dan Penyelidikan), serta beberapa penyelarar tempatan. Mesyuarat membentangkan hasil analisa isu oleh penyelarar tempatan, Zazila Roslan. DO Keningau memberi sokongan penuh dan membenarkan pengesahan isu tempatan dibuat bersama ketua jabatan/agensi berkaitan. Ini merupakan Jawatankuasa SDG peringkat daerah ke-4 di Sabah selepas Lahad Datu, Tenom dan Kota Belud — hasil kerjasama APPGM-SDG, Yayasan Hasanah dan Kementerian Kewangan Malaysia.

The SDG Inter-Agency Policy Committee for Keningau District was successfully established in a meeting chaired by District Officer Tuan Peter Jonu Moinjil, with participation from 13 government agencies. APPGM-SDG was represented by Fazlina (Sabah Regional Lead), Fatimah (Policy & Research Officer), and several local coordinators. The meeting discussed issue mapping findings presented by Zazila Roslan, with the DO supporting APPGM's request to verify local issues with relevant agencies. This marks the fourth district-level SDG Committee in Sabah, following Lahad Datu, Tenom, and Kota Belud — part of a high-impact initiative by APPGM-SDG in collaboration with Yayasan Hasanah and the Ministry of Finance Malaysia.

5.6.2025

Sesi Perbincangan Strategik: APPGM-SDG Wilayah Sabah*Strategic Discussion Session: APPGM-SDG Sabah Region*

59



Sesi perbincangan strategik telah diadakan bersama APPGM-SDG Wilayah Sabah bagi menilai status pelaksanaan projek Fasa 1 di kawasan penyelidikan Sabah. Perbincangan tertumpu kepada pencapaian semasa, cabaran lapangan, dan intervensi yang diperlukan untuk memastikan penyelarasan pelaksanaan projek mengikut garis masa serta langkah mempercepat maklum balas wakil rakyat berkaitan isu dan pelaksanaan Inter-Agency Dialogue (IAD) di beberapa kawasan.

A strategic discussion was held with APPGM-SDG Sabah Region to assess the status of Phase 1 project implementation in Sabah's research areas. The discussion focused on current achievements, field challenges, and necessary interventions to ensure project coordination aligns with the set timeline. Emphasis was also placed on expediting feedback from elected representatives regarding issues and the implementation of Inter-Agency Dialogues (IADs) in several areas.

9.6.2025

Lawatan ke By Borneo, Rumah Pameran Keusahawanan Sosial di Kota Kinabalu*Visit to By Borneo, Social Entrepreneurship Showhouse in Kota Kinabalu*

60



APPGM-SDG berpeluang melawat By Borneo, sebuah showhouse keusahawanan sosial di Riverson Walk, Kota Kinabalu, dan mendengar perkongsian pengasas bersama, Nina Othman, mengenai perjalanan penubuhan inisiatif unik ini. Showhouse ini mempamerkan produk daripada kira-kira 20 vendor yang berasal dari projek pembangunan komuniti sekitar Pulau Borneo. Kebanyakan rakan solusi kami dari Sabah turut mempamerkan produk mereka di sini, termasuk Kotak Serdang daripada Persatuan Wanita Kampung Song-Song Kota Belud. Penubuhannya juga merancang program sokongan jangka panjang untuk vendor demi mewujudkan pasar khusus yang berkualiti, satu penanda aras penting bagi produk pembangunan sosial agar dapat mencapai pasaran sasaran yang tepat.

APPGM-SDG had the opportunity to visit By Borneo, a social entrepreneurship showhouse at Riverson Walk, Kota Kinabalu, and hear from co-founder Nina Othman about the founding journey of this unique initiative. The showhouse features products from about 20 vendors originating from community development projects around Borneo Island. Most of our solution partners from Sabah, including Kotak Serdang from Persatuan Wanita Kampung Song-Song Kota Belud, also have their products displayed here. The establishment also plans long-term support programs for vendors to create a specialty marketplace, a quality benchmark essential for social development products to reach the right target market.

10.6.2025

Mesyuarat Penubuhan Jawatankuasa SDG Dasar Intervensi Antara Agensi Peringkat Daerah Beaufort

Meeting for the Establishment of the Beaufort District Inter-Agency SDG Policy Intervention Committee.

61



Jabatan Solusi Dasar APPGM-SDG telah menubuhkan Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar di Pejabat Daerah Beaufort. Mesyuarat dipengerusikan Pegawai Daerah Beaufort, Tuan Mohd Nazri bin Ajun, dan dihadiri 15 agensi kerajaan serta wakil APPGM-SDG termasuk Prof. Datuk Dr. Datuk Dennison dan Paniirselvam. Pembentangan analisis pemetaan isu oleh Mohd Halbi menjadi asas. Pegawai Daerah menyambut baik inisiatif ini dan menyeru agensi bekerjasama bagi memperkukuh pelaksanaan SDG di peringkat daerah.

The APPGM-SDG Policy Solutions Department has established the District-Level SDG Policy Intervention Committee at the Beaufort District Office. The meeting was chaired by the Beaufort District Officer, Tuan Mohd Nazri bin Ajun, and attended by 15 government agencies, along with APPGM-SDG representatives, including Prof. Datuk Dr. Datuk Dennison and Paniirselvam. Mohd Halbi's presentation of the issue mapping analysis formed a crucial basis for discussion. The District Officer welcomed the initiative and urging agencies to collaborate in strengthening SDG implementation at the district level.

11.6.2025

Kunjungan Hormat bersama Pegawai Daerah Kota Marudu

Courtesy Visit with District Officer of Kota Marudu

62



Kunjungan hormat diadakan bersama Meirin Sugara, Pegawai Daerah Kota Marudu dan Tuan Suffian Majid, Penolong Pegawai Daerah bagi membincangkan cadangan penubuhan Jawatankuasa SDG peringkat daerah. Sesi ini membentangkan dapatan pemetaan isu SDG Kota Marudu 2024, mencadangkan mekanisme tadbir urus dan libat urus pihak berkepentingan, termasuk isu anjing liar. APPGM-SDG diwakili oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Paniirselvam Jayaraman, Nurrul Fazlina Osman, Fatimah Mohd Yasin, dan Fionna George.

A courtesy visit was held with Meirin Sugara, Kota Marudu District Officer and Tuan Suffian Majid Assistant District Officer to discuss the proposed establishment of a district-level SDG Committee. The session presented the findings of the Kota Marudu 2024 SDG issue mapping and proposed governance and stakeholder engagement mechanisms, including the issue of stray dogs. APPGM-SDG was represented by Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Paniirselvam Jayaraman, Nurrul Fazlina Osman, Fatimah Mohd Yasin, and Fionna George.

13.6.2025

Parlimen Labuan: Mesyuarat Dialog Antara Agensi (IAD) – Pemetaan Isu

Labuan Parliament: Intergency Dialogue Meeting (IAD) – Issue Mapping

63



Dialog Antara Agensi (IAD) bagi tujuan pemetaan isu Parlimen Labuan telah berjaya diadakan di Perbadanan Labuan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi, Tuan Mahathir bin Abd Hamid serta dihadiri oleh Timbalan Pengarah, Tuan Lukman Nurhakim bersama sembilan wakil agensi kerajaan dan kementerian berkaitan termasuk KPDN, Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Bekalan Air, FAMA, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Imigres Pihak APPGM-SDG turut diwakili oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Paniirselvam Jayaraman, Nurrul Fazlina dan Fatimah Mohd Yasin dari pejabat wilayah Sabah.

The Inter-Agency Dialogue Meeting (IAD) for issue mapping in the Labuan Parliamentary Constituency was successfully held at Perbadanan Labuan. Chaired by the Director of the Socio-Economic Department, Tuan Mahathir bin Abd Hamid, and attended by Deputy Director Tuan Lukman Nurhakim, the session brought together nine representatives from key government agencies and ministries including KPDN, Marine Department of Malaysia, Water Supply Department, FAMA, Social Welfare Department, and Immigration. Representing APPGM-SDG were Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Paniirselvam Jayaraman, Nurrul Fazlina, and Fatimah Mohd Yasin from the Sabah Regional Office.

13.6.2025

Lawatan ke Projek Fertigasi Hidroponik di Rumah Warga Tua Sri Pritchard, Kinarut

Visit to the Hydroponic Farming Project at Sri Pritchard Wargatua House, Kinarut

64



Rahmah, James, Dana, Janet, dan Amirul telah mengadakan lawatan ke Projek Pertanian Hidroponik di Rumah Wargatua Sri Pritchard, Kinarut yang diketuai oleh Mr. Kent (SP). Seramai 13 peserta terdiri daripada penghuni warga emas dan kakitangan rumah berkenaan terlibat secara aktif dalam projek ini. Taman hidroponik ini dilengkapi dengan 12 unit sistem fertigasi, setiap satu mengandungi 108 lubang tanaman.

Rahmah, James, Dana, Janet, and Amirul visited the Hydroponic Farming Project at Sri Pritchard Wargatua House in Kinarut, led by Mr. Kent (SP). The project engages 13 participants, comprising elderly residents and staff members. The garden features 12 fertigated hydroponic units, each with 108 planting holes.

13.6.2025

Lawatan ke By Borneo*Visit to By Borneo*

65



Rahmah, James, dan Dana bersama APPGM-SDG Sabah telah mengadakan lawatan ringkas ke By Borneo yang terletak di Imago Mall, Kota Kinabalu. Lawatan ini bertujuan meninjau bagaimana By Borneo berfungsi sebagai pusat pengumpulan dan pemasaran produk daripada komuniti setempat di Sabah. Usaha ini bukan sahaja menyokong ekonomi komuniti tetapi juga memperkenalkan hasil tempatan kepada pasaran yang lebih luas.

Rahmah, James, and Dana, together with APPGM-SDG Sabah, conducted a brief visit to By Borneo located in Imago Mall, Kota Kinabalu. The visit aimed to observe how By Borneo operates as a central hub for collecting and marketing products made by local communities across Sabah. This initiative not only supports the community economy but also promotes local products to wider markets.

14.6.2025

Lawatan ke Projek Akuakultur Ikan Tilapia Merah*Visit to Red Tilapia Aquaculture Project*

66



Dana, Janet, dan Amirul telah mengadakan lawatan ke Projek Akuakultur Tilapia Merah (*Oreochromis niloticus*) yang dijalankan menggunakan kolam poly tank. Projek ini diketuai oleh SP Nurhasrul dan melibatkan 10 orang peserta. Setiap peserta menerima dua kolam poly tank, dengan 110 ekor ikan tilapia bagi setiap kolam. Antara amalan terbaik yang diterapkan oleh Nurhasrul ialah penyimpanan rekod terperinci bagi setiap peserta — termasuk data pelepasan benih, status ternakan, jumlah akhir stok, dan bacaan parameter air. Pendekatan ini membolehkan pemantauan rapi, bimbingan bersasar, dan pembangunan projek yang lebih berkesan.

*Dana, Janet, and Amirul conducted a visit to the Red Tilapia (*Oreochromis niloticus*) Aquaculture Project, implemented using poly tank ponds. The project, led by SP Mr. Nurhasrul, involves 10 participants. Each participant receives two poly tank ponds, each stocked with 110 tilapia fish. One of the key best practices introduced by Mr. Nurhasrul is maintaining detailed individual records for each participant—tracking fish stocking, farming progress, final stock count, and water parameters. This allows close monitoring, personalised guidance, and effective aquaculture development.*

14.6.2025

Lawatan Projek ke Pusat Pembelajaran Komuniti Moyog Innovation House

Project Visit to Moyog Innovation House Community Learning Centre

67



Dana, Amirul dan Jeanet telah mengadakan lawatan ke Pusat Pembelajaran Komuniti Moyog Innovation House di Penampang yang dikendalikan oleh Juddy. Lawatan ini bertujuan meninjau perkembangan peserta dan pelaksanaan pelbagai aktiviti di Community Learning Centre (CLC) tersebut. Ia juga berperanan sebagai ruang perkongsian amalan terbaik (best practices) yang boleh diterapkan di projek-projek seumpamanya.

Dana, Amirul, and Jeanet visited the Moyog Innovation House Community Learning Centre (CLC) in Penampang, managed by Juddy. The visit aimed to observe the latest developments among participants and review the implementation of activities conducted at the centre. It also served as an opportunity to identify best practices that could be replicated in other project sites.

24.6.2025

Mesyuarat Penubuhan Jawatankuasa SDG Daerah Ranau

Establishment Meeting of Ranau District SDG Committee

68



Jabatan Solusi Dasar APPGM-SDG telah berjaya melaksanakan mesyuarat penubuhan Jawatankuasa Intervensi Dasar SDG Antara Agensi Peringkat Daerah Ranau yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, Tuan Tinus Manggam. Seramai 28 agensi kerajaan hadir memberikan sokongan terhadap usaha ini. Mesyuarat turut membincangkan dapatan analisa pemetaan isu Ranau yang dibentangkan oleh Norita Yapi, Penyelaras Tempatan.

APPGM-SDG's Policy Solutions Department successfully held the inter-agency SDG Intervention Policy Committee establishment meeting for the Ranau District, chaired by District Officer Tuan Tinus Manggam, with the participation of 28 government agencies. The meeting discussed the Ranau issue mapping analysis presented by Local Coordinator Norita Yapi.



PUSAT-PUSAT MYSDG DAN JABATAN-JABATAN APPGM-SDG | MYSDG CENTRES & APPGM-SDG DEPARTMENTS

Pusat-pusat MySDG dan Jabatan-jabatan APPGM-SDG berfungsi sebagai tulang belakang pelaksanaan agenda pembangunan mampan melalui pendekatan penyelidikan dasar, latihan kapasiti, dan keterangkuman sosial. Setiap jabatan—termasuk **Pusat MySDG untuk Rangkuman Sosial, Pusat MySDG untuk Alam Sekitar dan Akademi MySDG, Jabatan Solusi Dasar, Jabatan Advokasi Dasar Parlimen**—mempunyai mandat khusus dalam memperkukuh penyetempatan SDG.

Dengan sokongan strategik daripada Ibu Pejabat, jabatan-jabatan ini saling melengkapi dalam membentuk dasar berasaskan bukti, memperkasa komuniti, serta menjalin kerjasama dengan rakan pelaksana di seluruh negara.

*MySDG Centres and APPGM-SDG Departments serve as the backbone of sustainable development implementation through policy research, capacity building, and social inclusion. Each department—including **MySDG Centre for Social Inclusion, MySDG Centre for Environment and Sustainability, MySDG Academy, and Policy Solutions Department, Parliamentary Policy Advocacy Department**—carries a specific mandate to strengthen SDG localization.*

With strategic support from the Headquarters, these departments work in synergy to shape evidence-based policies, empower communities, and foster collaboration with implementing partners across the country.

Accomplished

**4.6.2025**

Seminar Dasar Awam Malaysia Peringkat Negeri Kelantan

Kelantan State-Level Public Policy Seminar

69



Dr. Khairil telah mengendalikan Seminar Dasar Awam Malaysia anjuran Institut Latihan Darul Naim (ILDAN) yang melibatkan 38 peserta daripada agensi Kerajaan Negeri Kelantan serta PBT. Program ini dirasmikan oleh YB Wan Rohimi Bin Wan Daud dan turut dihadiri tetamu kehormat termasuk Dr. Nazmi Ghazali Azmi, Ustaz Borhanuddin Ahmad, dan Dr. Wan Nik Wan Yussof. APPGM-SDG diwakili oleh Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin, Ketua Zon Pantai Timur.

Dr. Khairil convened the Malaysian Public Policy Seminar organised by Institut Latihan Darul Naim (ILDAN), attended by 38 participants from Kelantan state agencies and local authorities. The event was officiated by YB Wan Rohimi Bin Wan Daud and graced by distinguished guests including Dr. Nazmi Ghazali Azmi, Ustaz Borhanuddin Ahmad, and Dr. Wan Nik Wan Yussof. APPGM-SDG was represented by Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin, East Coast Zone Lead.

28.6.2025

Kem Latihan Pertandingan Dasar Awam Malaysia (MPPC) 2025

Malaysian Public Policy Competition (MPPC) Policy Bootcamp 2025

70



Dr. Khairil telah menyampaikan menyampaikan kuliah bertajuk "Public Policy Crafting" bagi program Malaysian Public Policy Competition (MPPC) Policy Bootcamp 2025. Program tersebut dianjurkan bersama oleh Sunway Centre for Planetary Health, Sunway University dan International Council of Malaysian Scholars (ICMS) serta berlangsung di Sunway International School.

Dr. Khairil delivered a lecture titled Public Policy Crafting at the Malaysian Public Policy Competition (MPPC) Policy Bootcamp 2025 event. The event was co-organised by the Sunway Centre for Planetary Health, Sunway University and the International Council of Malaysian Scholars (ICMS) and took place at Sunway International School.

**5.6.2025****Talk2Work: Empowering Youth for Decent Work & Economic Growth***Talk2Work: Empowering Youth for Decent Work & Economic Growth*

71



Anthony Tan, Pengarah Pusat MySDG untuk Alam Sekitar dan Kelestarian, telah dijemput menyertai sesi dalam talian Talk2Work anjuran pelajar Universiti Sunway Malaysia. Sesi ini bertemakan "Sustainable Business Practices: Empowering Youth for Decent Work and Economic Growth". Lebih 30 peserta telah menyertai sesi ini yang diakhiri dengan sesi soal jawab interaktif bersama para peserta.

Anthony Tan, Director of MySDG Centre for Environment and Sustainability (CES), joined the online session Talk2Work upon invitation from Sunway University Malaysia students. The session focused on "Sustainable Business Practices: Empowering Youth for Decent Work and Economic Growth." Over 30 participants attended the engaging session, which concluded with a Q&A segment.

28.6.2025**Parlimen Kapar: Dialog Komuniti & Lawatan Tapak***Kapar Parliament: Community Dialogues & Site Visits*

72



APPGM-SDG melalui Pusat MySDG untuk Alam Sekitar dan Kelestarian telah menjalankan tiga sesi dialog (FGD) bersama komuniti di Kg Batu 4, Kg Rantau Panjang dan Kg Perepat, Parlimen Kapar. Turut hadir dalam sesi-sesi ini ialah Dato' Sri Azizi (Penyelaras Parlimen Kapar) dan Tok Zuraimi (Penghulu Mukim Kapar, Kawasan Rantau Panjang).

APPGM-SDG, through the MySDG Centre for Environment and Sustainability (MySDG CES), conducted three focus group discussions (FGDs) with local communities in Kg Batu 4, Kg Rantau Panjang, and Kg Perepat, Kapar Parliament. Notable attendees included Dato' Sri Azizi (Kapar Parliament Coordinator) and Tok Zuraimi (Mukim Kapar Chief for Rantau Panjang Area).

Akademi


Corporate
Communications Department
4.6.2025**Perbincangan Bersama Pasukan Merdeka Award***Discussion with Merdeka Award Team***73**

Zoel dari APPGM-SDG telah menghadiri sesi e-mesyuarat bersama pasukan Merdeka Award yang sedang dalam proses pencalonan untuk Anugerah Merdeka 2026. Mereka telah meminta cadangan nama individu dan organisasi yang berpotensi untuk dicalonkan dalam pelbagai kategori seperti Pendidikan, Komuniti, Alam Sekitar, Sains & Teknologi, dan Kemanusiaan.

Zoel from APPGM-SDG attended an e-meeting with the Merdeka Award team regarding the nomination process for the 2026 Merdeka Award. They reached out for suggestions of potential individuals and organizations across various categories such as Education, Community, Environment, Science & Technology, and Humanities.

5.6.2025**MySDG Academy x iLEAP: Latihan Kepimpinan Inklusif***MySDG Academy x iLEAP: Inclusive Leadership Training***74**

Iman Nurhakim dan Philus telah menyokong ejen SDG kami, Jen Dee, dalam program latihan kepimpinan inklusif iLEAP. Bengkel ini memberi pendedahan mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) serta pembangunan kapasiti kepada pelajar berusia 13–18 tahun, termasuk belia berkeperluan khas. Lebih 50 peserta menyertai bengkel ini yang berlangsung di Northern Lights Private School, Pulau Pinang.

Iman Nurhakim and Philus supported our SDG Agent, Jen Dee, during the iLEAP inclusive leadership training programme. The session introduced students to the SDGs and focused on sustainability awareness and capacity building. The workshop gathered over 50 youth and adolescents aged 13–18, including those with special abilities.

6.6.2025**Sesi Brainstorming Modul Latihan ESG***ESG Training Module Brainstorming Session***75**

Zoel dan sukarelawan telah membangunkan modul latihan ESG komprehensif. Kerjasama strategik membuka akses ke Pasaran MARA (UPTM), PKS (UOB), dan 1 Utama, yang akan menerima latihan ESG/SDG probono. Keunikan modul terletak pada penyelarasan SDG, kajian kes tempatan, dan Kaizen

Zoel and volunteers developed a comprehensive ESG training module. Strategic collaborations provide access to MARA Marketplace (via UPTM), SMEs (via UOB), and 1 Utama, who will receive pro bono ESG/SDG training. The module's uniqueness lies in its SDG alignment, relevant local case studies, and Kaizen approach.

9.6.2025

Perbincangan Jabatan Komunikasi Korporat & Akademi MySDG

Corporate Communications Department & MySDG Academy Discussion

76



Jabatan Komunikasi Korporat dan Akademi MySDG telah mengadakan perbincangan untuk menilai kemajuan kerja pasukan dan merancang mesyuarat suku tahunan. Sesi ini bertujuan mengemas kini perkembangan dan menetapkan hala tuju. Hirzawati Atikah memimpin perbincangan, menggerakkan langkah strategik bagi penyelarasan dan pencapaian matlamat.

The Corporate Communications and MySDG Academy Departments held a discussion to assess team progress and plan the upcoming quarterly meeting. This session aimed to update on current developments and set future work direction. Hirzawati Atikah led the discussion, initiating strategic steps to ensure smooth coordination and achievement.

9.6.2025

Mesyuarat Pelancaran Buku MPI

MPI Book Launch Meeting

77



Kezia Sim dan Hirzawati Atikah telah mengadakan mesyuarat bersama Debbie bagi membincangkan butiran lanjut berkaitan acara pelancaran Buku MPI. Perbincangan ini bertujuan untuk memastikan segala persiapan berjalan dengan lancar serta mendapatkan maklumat terkini bagi tindakan susulan.

Kezia Sim and Hirzawati Atikah held a meeting with Debbie to discuss the final details of the upcoming MPI Book Launch. The discussion aimed to ensure smooth preparation and gather the latest updates for the next steps.

10.6.2025

Mesyuarat bersama Pengerusi Bersama Malaysian CSO-SDG Alliance

Meeting with the Co-Chairs of the Malaysian CSO-SDG Alliance

78



Wakil APPGM-SDG, Nur Rahmah, Zoel Ng, dan Hirzawati Atikahwati Atikah, bertemu Dato' Indrani Thuraisingham dan Omna Sreeni-Ong, Pengerusi Bersama Malaysian CSO-SDG Alliance. Mesyuarat ini fokus kepada peralihan kerja serta susunan dan keutamaan tanggungjawab semasa.

APPGM-SDG representatives, Nur Rahmah, Zoel Ng, and Hirzawati Atikahwati Atikah, met with Dato' Indrani Thuraisingham and Omna Sreeni-Ong, Co-Chairs of the Malaysian CSO-SDG Alliance. The meeting focused on work transition, as well as the arrangement and priorities of current responsibilities.

14.6.2025

Youth Development x Youth Beyond Boundaries (YBB) – FLES Eco Excellence Competition

Youth Development x Youth Beyond Boundaries (YBB) – FLES Eco Excellence Competition

79



Wakil APPGM-SDG, Philus, telah dijemput sebagai juri pertandingan FLES Eco Excellence Competition yang dianjurkan oleh Youth Beyond Boundaries (YBB) UCSI pada 14 Jun 2025.

Philus represented APPGM-SDG as a judge for the FLES Eco Excellence Competition organised by Youth Beyond Boundaries (YBB) UCSI on 14 June 2025.

16.6.2025

Youth Development x Youth SDG Agent Grant Pitch oleh SAY

Youth Development x Youth SDG Agent Grant Pitch by SAY

80



Philus dan Syakhira telah menghadiri sesi bersama pasukan Selangor Youth Community (SAY) bagi persediaan pembentangan projek mikro oleh ejen SDG bagi kohort 2025/2026. Ejen SDG ini sedang merangka penyelesaian komuniti bagi membida geran mikro yang akan dilaksanakan di peringkat tempatan.


Philus and Syakhira joined a session with the Selangor Youth Community (SAY) team in preparation for the upcoming microgrant pitch by the 2025/2026 SDG Agent cohort. These young agents are designing community-based solutions to compete for microgrants that will be implemented at the local level.

17.6.2025

Perbincangan Kerjasama Bersama Yayasan MySDG

Collaboration Discussion with MySDG Foundation

81



Iman Nurhakim telah mengadakan pertemuan bersama Ida, Pengurus Strategi dan Kerjasama di MySDG Foundation bagi membincangkan potensi kerjasama dalam penganjuran acara "Localising SDGs: 2016 to 2025 – Impact on the Grassroots" yang disasarkan berlangsung pada akhir Julai. Akademi MySDG komited sepenuhnya dalam memastikan kejayaan penganjuran program ini demi memperkukuh agenda pemerkasaan komuniti berasaskan Matlamat Pembangunan Mampan.

Iman Nurhakim met with Ida, Manager of Strategy and Partnerships at MySDG Foundation to explore collaboration opportunities for the upcoming event, "Localising SDGs: 2016 to 2025 – Impact on the Grassroots," scheduled to take place at the end of July. MySDG Academy is fully committed to ensuring the success of this initiative to strengthen community empowerment through the Sustainable Development Goals.

17.6.2025

Perjumpaan bersama YBhg. Dato' Sri Mustapa Mohamed*Meeting with YBhg. Dato' Sri Mustapa Mohamed*

82



Hirzawati Atikah dan Iman Nurhakim daripada APPGM-SDG telah mengadakan perjumpaan bersama YBhg. Dato' Sri Mustapa Mohamed bagi memaklumkan perkembangan dua program utama akan datang, iaitu Mesyuarat Partners in Accelerating SDGs pada 30 Jun serta program Impact on the Grassroots yang dijadualkan berlangsung pada 29 Julai 2025.

Hirzawati Atikah and Iman Nurhakim from APPGM-SDG held a meeting with YBhg. Dato' Sri Mustapa Mohamed to brief him on two upcoming flagship events — the Partners in Accelerating SDGs Meeting on 30 June and the Impact on the Grassroots programme scheduled for 29 July 2025.

17.6.2025

Perjumpaan Malaysian CSO-SDG Alliance bersama DOSM mengenai Dapatan Tinjauan MCSA & Potensi Kerjasama*Malaysian CSO-SDG Alliance Meeting with DOSM on MCSA Survey Findings & Potential Collaboration*

83



Pengerusi bersama Malaysian CSO-SDG Alliance, Omna Sreeni-Ong dan Dato' Indrani Thuraisingham telah mengadakan pertemuan bersama Fuziah Md Amin, Pengarah Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Dalam pertemuan ini, pihak MCSA telah membentangkan dapatan Tinjauan Keperluan Pembangunan Kapasiti: Data untuk Pembentukan Dasar Berasaskan Bukti yang dilaksanakan baru-baru ini.

The co-chairs of the Malaysian CSO-SDG Alliance, Omna Sreeni-Ong and Dato' Indrani Thuraisingham, held a meeting with Mrs. Fuziah Md Amin, Director of the Manpower and Social Statistics Division at the Department of Statistics Malaysia (DOSM). During the meeting, the MCSA team presented the findings of their recent Capacity Building Needs Survey: Data for Evidence-Based Policy Making.

18.6.2025

[Malaysian CSO-SDG Alliance] Mesyuarat bersama Pengerusi Bersama mengenai Kemas Kini MCSA*[Malaysian CSO-SDG Alliance] Meeting with the Co-Chair on MCSA Updates*

84



Hirzawati Atikahwati Atikah telah mengadakan mesyuarat bersama Pengerusi Bersama Malaysian CSO-SDG Alliance (MCSA) bagi membincangkan perancangan kerja serta aktiviti yang dirancang oleh MCSA. Turut dibincangkan ialah perkara berkaitan pengurusan kewangan yang menyokong pelaksanaan inisiatif MCSA secara mampan dan berkesan.

Hirzawati Atikahwati Atikah met with the Co-Chair of the Malaysian CSO-SDG Alliance (MCSA) to discuss the alliance's work plan, upcoming activities, and finance-related matters.

PEJABAT KETUA SEKRETARIAT | HEAD OF SECRETARIAT'S OFFICE

6.6.2025

Sesi Libat Urus: Kerjasama Jabatan Pengurusan Projek (PMD) & Jabatan Penyelarasan Parlimen (CCD)

Engagement Session: Collaboration Between Project Management Department (PMD) and Constituency Coordination Department (CCD)

85



Satu sesi libat urus telah diadakan antara Pengarah Eksekutif, Pengarah Sekretariat, Pengarah Jabatan Pengurusan Projek, & Pengarah Jabatan Penyelarasan Parlimen, bagi membincangkan kemas kini pelaksanaan projek Fasa 1 serta memperkukuh sinergi antara kedua-dua jabatan. Perbincangan ini memberi tumpuan kepada penyelarasan peranan, pengurusan isu pertindihan tugasan, dan penambahbaikan mekanisme kerja agar pelaksanaan projek lebih berfokus dan berimpak kepada komuniti setempat.

An engagement session was held between the ED, HoS Director, PMD Director and CCD Director to discuss Phase 1 project updates and strengthen synergy between both departments. The discussion focused on aligning roles, addressing overlapping responsibilities, and improving coordination mechanisms to ensure more focused and impactful community-based project delivery.

24.6.2025

Mesyuarat Teknikal SDG Bil. 2/2025 di Kementerian Ekonomi

SDG Technical Meeting No. 2/2025 at Ministry of Economy

86



Datuk Dr. Denison Jayasooria dan Rahmah telah mewakili APPGM-SDG dalam Mesyuarat Teknikal SDG Bil. 2/2025, dipengerusikan oleh Dato' Ts. V Valluvan Veloo, Timbalan Ketua Setiausaha (Makro), Kementerian Ekonomi dan turut dihadiri oleh Omna Sreeni-Ong selaku Co-Chair CSO-SDG Alliances bersama wakil kementerian dan pertubuhan masyarakat sivil.

Datuk Dr. Denison Jayasooria and Rahmah represented APPGM-SDG in the SDG Technical Meeting No. 2/2025, chaired by Dato' Ts. V Valluvan Veloo, Deputy Secretary General (Macro), Ministry of Economy, and attended by Omna Sreeni-Ong, Co-Chair of the CSO-SDG Alliances, alongside representatives from ministries and civil society organisations.

27.6.2025

Perbincangan Santai bersama YB Isaiah di Ipoh

Casual Conversation with YB Isaiah in Ipoh

87



APPGM-SDG berpeluang mengadakan perbincangan santai bersama YB Senator Isaiah Jacob, ahli jawatankuasa APPGM-SDG, semasa lawatan singkat beliau ke Ipoh.

APPGM-SDG had the opportunity for an informal chat with YB Isaiah Jacob, a committee member of APPGM-SDG, during his short visit to Ipoh for rest and work.

PENYELARASAN KAWASAN PARLIMEN | CONSTITUENCY COORDINATION

9.6.2025

Sesi Temuduga Penyelaras Tempatan bagi Inisiatif Intervensi Dasar Peringkat Daerah Online Interview Session for Local Coordinator – District-Level Policy Intervention Initiative

88



Jabatan Solusi Dasar telah mengadakan temu duga dalam talian untuk memilih Penyelaras Tempatan Inisiatif Intervensi Dasar Peringkat Daerah. Tiga calon dari Zon Tengah dan Utara ditemu duga bagi menyokong pelaksanaan projek APPGM-SDG di lapangan. Rahmah, James, Paniirselvam, Dr. Thanaraj, Dr. Ken, dan Athirah bertindak sebagai panel penilai. Pemilihan penyelaras berkelayakan penting untuk memastikan pelaksanaan dasar berasaskan bukti dan berpaksikan komuniti di peringkat daerah berjalan lancar.

The Policy Solutions Department conducted an online interview session to select Local Coordinators for the District-Level Policy Intervention Initiative. Three candidates from the Central and Northern Zones were interviewed to support the implementation of APPGM-SDG projects on the ground. Rahmah, James, Paniirselvam, Dr. Thanaraj, Dr. Ken, and Athirah served as the evaluation panel. Selecting qualified coordinators is crucial to ensure the smooth execution of evidence-based and community-centric policies at the district level.

10.6.2025

Parlimen Balik Pulau: Taklimat Bengkel Pembangunan Kapasiti Balik Pulau Parliament: Capacity Building Workshop Briefing

89



Taklimat awal Bengkel Pembangunan Kapasiti (CB) telah diadakan untuk persiapan program pada 12 Jun 2025 di Hotel Amari Spice, Bayan Baru. Dikelolakan oleh Siti Shafina dan dihadiri penyelaras tempatan Balik Pulau, bengkel ini akan melibatkan dua penyelaras tempatan bersama Pegawai Daerah Barat Daya dan Ahli Parlimen Balik Pulau.


An initial briefing for the Capacity Building (CB) Workshop was held in preparation for the program on June 12, 2025, at Amari Spice Hotel, Bayan Baru. Conducted by Siti Shafina and attended by Balik Pulau's local coordinators, the workshop will involve two local coordinators with anticipated attendance from the Southwest District Officer and the Member of Parliament for Balik Pulau.

JABATAN PENGURUSAN PROJEK | PROJECT MANAGEMENT DEPARTMENT

5.6.2025

CBDP Pemantauan Bulanan CBDP Monthly Monitoring

90




Sesi pemantauan bulanan oleh Unit Projek Pembangunan Berasaskan Komuniti (CBDP) bersama Rakan Solusi Sarawak telah diadakan pada sesi petang. Sesi ini diketuai oleh Corrin Alicia dengan sokongan Faiz Hadzim dan Noraiman Nurhakim Hakim. Seramai 10 Rakan Solusi telah membentangkan kemajuan projek masing-masing.

The monthly monitoring session by the Community-Based Development Project (CBDP) Unit with Sarawak Solution Providers was held in the afternoon. The session was led by Corrin Alicia, with the support of Faiz Hadzim and Noraiman Nurhakim Hakim. A total of 10 Solution Providers presented progress updates on their respective projects.

6.6.2025

Sesi Taklimat Keterjaminan Makanan Food Security Briefing Session

91




Pasukan Keterjaminan Makanan (FS) telah mengadakan taklimat bersama Dana, Shai, Rose, dan 13 peserta lain. Sesi ini bertujuan memperkukuh kefahaman isu keterjaminan makanan dalam konteks pembangunan mampan, serta mengenal pasti peranan komuniti dalam menangani cabaran rantai makanan. Komitmen bersama seperti ini penting dalam menyokong SDG berkaitan keselamatan makanan dan daya tahan komuniti.

The Food Security (FS) team conducted a briefing with Dana, Shai, Rose, and 13 other participants. The session aimed to strengthen understanding of food security issues within the context of sustainable development and identify the community's role in addressing food chain challenges. Such collective commitment is crucial in supporting SDGs related to food safety and community resilience.

10.6.2025

Taklimat Khas Projek Keterjaminan Makanan bersama Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (PSMK), sebuah inisiatif dibawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)*Special Briefing on Food Security Project with Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti, an initiative under Ministry of Housing and Local Government*

92



Unit Keterjaminan Makanan APPGM-SDG telah mengadakan sesi taklimat khas bersama pegawai daripada Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (PSMK), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT). Sesi ini dikendalikan oleh pasukan Keterjaminan Makanan bersama Dana, Tiya, dan Shai, dengan penyertaan seramai 31 orang peserta.

The APPGM-SDG Food Security Unit held a special briefing with officials from the Community Consensus Secretariat Office (PSMK), Ministry of Local Government Development (KPKT). The session was conducted by the Food Security team, including Dana, Tiya, and Shai, with 31 participants.

11-16.6.2025

Sesi Pemantauan Jun Unit Sekuriti Makanan*June Monitoring Sessions – Food Security Unit*

93



Unit Keterjaminan Makanan telah melaksanakan sesi pemantauan projek bagi bulan Jun meliputi semua zon—Tengah, Timur, Utara, Selatan, Sabah dan Sarawak—dengan penglibatan 68 penyedia solusi daripada pelbagai komuniti dan organisasi. Sesi ini telah dipimpin oleh pasukan Sekuriti Makanan: Darshini, Dana, Tiya, Shai dan Rose, serta disokong oleh pegawai wilayah Corrin (Sarawak) dan Jeanet (Sabah).

The Food Security Unit conducted its June monitoring sessions across all zones—Central, East, North, South, Sabah, and Sarawak—with participation from 68 solution providers representing diverse communities and organisations. Led by the Food Security team—Darshini, Dana, Tiya, Shai, and Rose—and supported by regional officers Corrin (Sarawak) and Jeanet (Sabah).

12.6.2025

Bengkel Dalam Pembangunan Kapasiti: AI & Produktiviti @ Ruang*Capacity Building In-House Workshop: AI & Productivity @ Ruang*

94



Jabatan Pengurusan Projek (PMD) telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Kapasiti (CB) secara dalaman bersama penceramah jemputan, Dhanyaraam – pengasas bersama Sociolytics Sdn Bhd dan Qube Media Sdn Bhd – yang juga merupakan bekas Social Purpose (SP) APPGM-SDG. Sesi ini mencatat kehadiran penuh daripada semua kakitangan PMD dan disertai secara dalam talian oleh 44 SP dari seluruh negara.

The Project Management Department (PMD) held an in-house Capacity Building (CB) session featuring guest speaker Mr. Dhanyaraam – Co-founder of Sociolytics Sdn Bhd and Qube Media Sdn Bhd – who is also a proud APPGM-SDG Social Purpose (SP) alumnus. The session saw full attendance from PMD staff, and an amazing 44 SPs joined virtually from across the country.

18.6.2025

Mesyuarat Penyelaras Projek Fasa 1 oleh CCD & PMD*Phase 1 Project Coordination Meeting by CCD & PMD*

95




Satu mesyuarat penyelarasan telah diadakan antara Jabatan Penyelaras Parlimen dan Jabatan Pengurusan Projek bagi menilai kemajuan pelaksanaan projek-projek di bawah Fasa 1.

A coordination meeting was held between the Constituency Coordination Department (CCD) and Project Management Department (PMD) team to assess the progress of Phase 1 project implementations.

23.6.2025

Mesyuarat Lembaga Koperasi Matlamat Pembangunan Lestari Berhad*Board Meeting of Koperasi Matlamat Pembangunan Lestari Berhad*

96



Koperasi Matlamat Pembangunan Lestari Berhad telah mengadakan mesyuarat Lembaga Koperasi yang dihadiri oleh lapan orang Ahli Lembaga. Antara resolusi utama yang dipersetujui termasuk pelantikan jawatan utama koperasi, pembukaan akaun bank di Bank Rakyat cawangan Petaling Jaya, serta penetapan penandatanganan cek rasmi. Mesyuarat turut membincangkan cadangan penganjuran planning retreat bagi merangka halatuju strategik koperasi.

Koperasi Matlamat Pembangunan Lestari Berhad held a board meeting attended by eight Board Members. Key resolutions include the appointment of core leadership positions, opening of a bank account at Bank Rakyat (Petaling Jaya branch), and cheque signatory authorisation. The board also discussed a proposed planning retreat to chart the cooperative's strategic direction.

26.6.2025

**Penyelarasan Dalaman: Proses Pelaksanaan & Prosedur Kewangan
Inisiatif APPGM-SDG***Internal Alignment: Project Execution & Financial Procedures for APPGM-SDG Initiatives*

97



Satu mesyuarat telah diadakan antara Jabatan Pengurusan Projek (PMD) yang diwakili oleh Ara, Dana dan Vicky bersama Pengarah Kewangan, Rachel. Mesyuarat ini bertujuan menyelaraskan proses dalaman, garis panduan pelaksanaan projek serta prosedur kewangan bagi memastikan pelaksanaan inisiatif APPGM-SDG berjalan lancar, telus dan berakuntabiliti tinggi.

A meeting was held between the Project Management Department (PMD) team — Ara, Dana, and Vicky — and Finance Director, Rachel. The discussion focused on aligning internal processes, project implementation guidelines, and financial procedures to ensure streamlined execution and strengthened accountability across all APPGM-SDG initiatives.

26.6.2025

Perbincangan Kemas Kini Projek CBDP dan FS Sarawak

Discussion on CBDP and FS Project Updates in Sarawak

98



Satu pertemuan telah diadakan antara Corrin Alicia dan Pengarah Jabatan Pengurusan Projek (PMD), Ara bagi membentangkan kemas kini pelaksanaan Projek Pembangunan Berasaskan Komuniti (CBDP) dan Keterjaminan Makanan (FS) di Sarawak bagi tahun 2025. Perbincangan ini turut memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang memerlukan sokongan tambahan agar pelaksanaan projek dapat dilaksanakan secara lebih berkesan dan berimpak tinggi.

A meeting was held between Corrin Alicia and the Director of the Project Management Department (PMD), Ara, to present updates on the implementation of the Community-Based Development Programme (CBDP) and Food Security (FS) projects in Sarawak for 2025. The discussion also focused on identifying areas that require further support to ensure that the implementation remains effective and impactful.

30.6.2025

Mesyuarat Pasukan Pengurusan Projek (Keterjaminan Makanan)

Project Management Department (Food Security) Meeting

99



Pasukan Jabatan Pengurusan Projek (Keterjaminan Makanan) telah mengadakan mesyuarat bersama Ara bagi menyemak kemajuan terkini pelaksanaan projek-projek yang sedang berjalan. Dalam sesi ini, semua pegawai wilayah dan zon telah membentangkan perkembangan semasa projek masing-masing, termasuk cabaran serta isu-isu pelaksanaan yang dihadapi di lapangan. Perbincangan ini penting bagi memastikan hala tuju intervensi kekal berimpak dan berpaksikan realiti komuniti.

The Project Management Department (Food Security) held a review meeting with Ara to assess the current status of ongoing projects. During the session, all regional and zonal officers in charge shared updates on their respective project progress, including key challenges and implementation setbacks encountered on the ground. These discussions are crucial to ensuring that interventions remain impactful and grounded in community realities.

30.6.2025

Mesyuarat Kemas Kini Projek oleh Jabatan Pengurusan Projek

Project Deliverables Update Meeting by Project Management Department

100



Satu mesyuarat kemas kini berkala telah diadakan oleh Jabatan Pengurusan Projek bagi meneliti status terkini pelaksanaan dan serahan projek-projek APPGM-SDG. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ara selaku ketua jabatan dan bertujuan memastikan setiap komponen projek berjalan mengikut garis masa serta kualiti yang ditetapkan.

A periodic deliverables update meeting was held by the Project Management Department to review the latest progress on APPGM-SDG projects. The meeting was chaired by Ara, Head of Department, and focused on ensuring that each project component stays on track in terms of timeline and quality.


JABATAN SOLUSI DASAR | POLICY SOLUTIONS DEPARTMENT

3.6.2025

Mesyuarat Penjejak Tugas, Zon Utara

Briefing on District-level SDG Committees & Way Forward

101



Jabatan Solusi Dasar telah mengadakan mesyuarat penjejak tugas bersama LC Zon Utara bagi menyelaraskan jangkaan dan penyampaian projek. Sesi ini dipengerusikan oleh Pengarah Penyelesaian Dasar, Panniir dan turut disertai oleh Dr. Thanaraj (Ketua Zon Utara), bersama Faros dan Athirah.

Policy Solutions Department held a task tracker meeting with the Northern Zone LC to align project deliverables and expectations. The session was led by Mr. Panniir, Director of Policy Solutions, and attended by Dr. Thanaraj (Head of Northern Zone), along with Faros and Athirah.

13-18.6.2025

Mesyuarat Pemantauan Bulanan Penyelaras Tempatan (LC)

Local Coordinator (LC) Monthly Monitoring Meeting

102



APPGM-SDG telah melaksanakan Mesyuarat Pemantauan Bulanan Penyelaras Tempatan (LC) selama empat hari melibatkan zon Tengah, Selatan, Utara, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak. Sesi dimulakan pada 13 Jun bersama LC dari zon Tengah dan Selatan, di mana beberapa LC menunjukkan inisiatif proaktif turun padang dan menambah baik kertas cadangan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI). Pada 16 Jun, pembentangan oleh LC Sabah menunjukkan kemajuan positif dengan lima daripada sembilan Mesyuarat Jawatankuasa SDG telah berjaya diadakan. Sesi 17 Jun pula melibatkan zon Utara dan Pantai Timur dengan penekanan terhadap kerjasama antara LC dan perkongsian strategi pelaksanaan FGD. Hari terakhir, 18 Jun, menampilkan LC dari Sarawak dan seorang dari zon Selatan. Pemerhatian mendapati peningkatan dalam komunikasi dengan DO serta usaha memperkukuh koordinasi tempatan. Pemantauan ini mencerminkan komitmen berterusan LC dalam memacu pembangunan mampan di peringkat akar umbi.

APPGM-SDG conducted a four-day Local Coordinator (LC) Monthly Monitoring Meeting involving Central, Southern, Northern, East Coast, Sabah, and Sarawak zones. On 13 June, sessions with Central and Southern zone LCs highlighted proactive efforts in refining Multidimensional Poverty Index (MPI) proposals and conducting site visits. On 16 June, Sabah LCs reported strong progress, with five out of nine SDG Committee Meetings successfully held. The 17 June session featured Northern and East Coast LCs, with notable collaboration and shared strategies for effective FGD implementation. The final session on 18 June focused on Sarawak LCs and one Southern LC, where observations showed improved communication with DOs and continued coordination efforts. These monitoring sessions reflect the strong grassroots commitment in advancing sustainable development.

18.6.2025

Latihan Analisis Data MPI oleh Jabatan Solusi Dasar*MPI Data Analysis Training by the Policy Solutions Department*

103



Jabatan Solusi Dasar telah menjalankan sesi latihan praktikal berkenaan analisis data Multidimensional Poverty Index (MPI) yang dikendalikan oleh Debbie. Sesi ini memberi pendedahan kepada kaedah analisis Alkire-Foster sebagai asas kepada pemahaman data kemiskinan pelbagai dimensi. Sesi ini telah dihadiri oleh Mel dan Dr. Eva dari Pejabat Wilayah Sarawak, bersama Faros, Athirah, dan Syakib selaku Penyelaras Tempatan bagi Parlimen Batu, Kuala Lumpur.

The Policy Solutions Department conducted a hands-on training session on Multidimensional Poverty Index (MPI) data analysis, facilitated by Debbie, who provided an overview of the Alkire-Foster analysis method. The session was attended by Mel and Dr. Eva from the Sarawak Regional Office, as well as Faros, Athirah, and Mr. Syakib, the Local Coordinator for Batu, Kuala Lumpur.

25-26.6.2025

Latihan Penyelaras Tempatan Baharu (LC) – Zon Utara*Training Programme for Newly Appointed Local Coordinators – Northern Zone*

104



Program latihan selama dua hari bagi Penyelaras Tempatan (LC) baharu telah berjaya dilaksanakan pada 25 hingga 26 Jun 2025, hasil kerjasama strategik antara Yayasan Hasanah dan APPGM-SDG. Latihan ini bertujuan memperkukuh pemahaman dan keupayaan LC baharu dalam melaksanakan peranan mereka ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di peringkat tempatan. Dua LC baharu dari Zon Utara yang mewakili kawasan Arau & Kangar dan Padang Besar turut menyertai sesi latihan ini.

A two-day training programme for newly appointed Local Coordinators (LCs) was successfully conducted from 25 to 26 June 2025, through a strategic collaboration between Yayasan Hasanah and APPGM-SDG. The initiative aimed to equip new LCs with the essential knowledge and tools needed to advance the Sustainable Development Goals (SDGs) at the local level. Two new LCs from the northern region, representing Arau & Kangar and Padang Besar, took part in the training.

JABATAN ADVOKASI DASAR PARLIMEN | PARLIAMENTARY POLICY ADVOCACY

5.6.2025

Perbincangan Persediaan FGD Tadbir Urus Rantaian Nilai Perikanan Marin Malaysia (Zon Timur)

Preparatory Meeting for FGD on Marine Fisheries Value Chain Governance (East Coast Zone)

105



Jabatan Advokasi Dasar dan Solusi Dasar, bersama Ketua Zon Timur dan LC, menyelaraskan FGD Tadbir Urus Rantaian Nilai Perikanan Marin Malaysia Zon Timur. Dijadualkan pada 19 Jun 2025 di Kuala Terengganu, perbincangan ini fokus pada tugas LC dan pengurusan program bagi memastikan kelancaran serta pengumpulan input berkesan tentang cabaran dan peluang perikanan di Pantai Timur.

The Departments of Advocacy and Policy Solutions, along with the East Zone Head and LCs, are coordinating the Marine Fisheries Value Chain Governance FGD for the East Zone. Scheduled for June 19, 2025, in Kuala Terengganu, the discussion will focus on LC tasks and program management to ensure smooth execution and effective input collection regarding challenges and opportunities in East Coast fisheries.

6.6.2025

Sesi Perbincangan Kajian MPS: Pulau Mantanani, Sabah

MPS Research Discussion Session: Pulau Mantanani, Sabah

106



Jabatan Advokasi Dasar Parlimen telah mengadakan perbincangan dengan Institut Kajian Pembangunan (IDS) untuk menyemak dan memperhalusi soalan kajian bagi Modul Penyelidikan Sosial (MPS) di Pulau Mantanani. Perbincangan ini berjaya menjernihkan persoalan penting demi kelancaran kajian lapangan yang dijadualkan pada 10 hingga 13 Jun 2025, dengan kerjasama APPGM-SDG dan IDS.


Parliamentary Advocacy Policy Department held a discussion with the Institute for Development Studies (IDS) to review and refine research questions for the Social Research Module (SRM), which will be used in the field study in Pulau Mantanani. This discussion successfully clarified important questions, ensuring the smooth progress of the field study, scheduled from 10 to 13 June 2025, a collaboration between APPGM-SDG and IDS.

14.6.2025

Lawatan Penyelidikan PPAD dan IDS ke Pulau Mantanani

PPAD and IDS Research Visit to Pulau Mantanani

107



Pasukan PPAD dan Institut Kajian Pembangunan (IDS) telah menjalankan lawatan penyelidikan ke Kampung Siring Bukit pada waktu pagi menggunakan bot, dan meneruskan kajian di Kampung Padang pada sebelah tengah hari. Sepanjang lawatan, pasukan penyelidik melihat kesan hakisan pantai yang serius sehingga menyebabkan beberapa rumah roboh di persisiran. Meskipun terdapat kutipan sampah secara berkala oleh komuniti, amalan pelupusan secara pembakaran terbuka dan penanaman sampah ke dalam tanah masih berlaku. Pemerhatian ini amat penting dalam menilai keperluan intervensi berkaitan pengurusan sisa dan adaptasi perubahan iklim bagi komuniti luar bandar seperti di Pulau Mantanani.

Teams from PPAD and the Institute for Development Studies (IDS) conducted a field research visit to Kampung Siring Bukit in the morning by boat, and continued their study in Kampung Padang in the afternoon. During the visit, the researchers observed severe coastal erosion, with visible damage including houses that had collapsed along the shoreline. While some regular waste collection efforts were noted in the village, open burning and burying of waste remain common disposal methods. These findings are crucial to assess potential interventions in waste management and climate adaptation for remote rural communities like Pulau Mantanani.

17.6.2025

Sesi Perbincangan Isu Sabah bersama Dr. Jain oleh Jabatan Advokasi Dasar Peringkat Parlimen (PPAD)

Sabah Issue Discussion with Dr. Jain by the Parliamentary Policy Advocacy Department (PPAD)

108



Jabatan Advokasi Dasar Peringkat Parlimen (PPAD), APPGM-SDG telah mengadakan sesi perbincangan dalam talian bersama Dr. Jain, pakar dalam bidang berkaitan isu-isu pembangunan di Sabah. Sesi ini bertujuan mengemas kini maklumat serta merangka dokumen-dokumen sokongan menjelang sesi Meja Bulat Isu Sabah yang dijadualkan berlangsung pada Ogos 2025.

The Parliamentary Policy Advocacy Department (PPAD) of APPGM-SDG held an online discussion session with Dr. Jain, an expert on development-related issues in Sabah. The session aimed to update relevant data and prepare supporting documents ahead of the Sabah Roundtable Discussion scheduled for August 2025.

17.6.2025

Majlis Menandatangani Surat Hasrat (LoI) antara Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS & Jabatan Dasar Parlimen APPGM-SDG*Online Letter of Intent (LoI) Signing between the Faculty of Business, Economics and Accountancy, UMS & Parliamentary Policy Department, APPGM-SDG*

109



Satu majlis menandatangani Surat Hasrat (LoI) secara dalam talian telah diadakan antara Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Jabatan Dasar Parlimen APPGM-SDG. Majlis ini disaksikan oleh Prof. Madya Dr. Mohd Rahimie Abd Karim, Dekan Fakulti, bersama Dr. Teo Sue Ann, Dr. Khairil Ahmad, Dr. Christina Wong serta pasukan daripada kedua-dua pihak.

An online Letter of Intent (LoI) signing ceremony was held between the Faculty of Business, Economics and Accountancy, Universiti Malaysia Sabah (UMS) and the Parliamentary Policy Department of APPGM-SDG. The signing was witnessed by Assoc. Prof. Dr. Mohd Rahimie Abd Karim, Dean of the Faculty, alongside Dr. Teo Sue Ann, Dr. Khairil Ahmad, Dr. Christina Wong, and team members from both sides.

19.6.2025

Perbincangan Kumpulan Berfokus: Tadbir Urus Rantaian Nilai dalam Perikanan Marin Malaysia (Zon Timur)*Focused Group Discussion: Governance of the Marine Fisheries Value Chain in Malaysia (Eastern Zone)*

110



Satu sesi Perbincangan Kumpulan Berfokus telah diadakan pada 19 Jun 2025 melibatkan Jabatan Advokasi Dasar Parlimen, Pusat MySDG untuk Rangkuman Sosial dan Jabatan Solusi Dasar dengan kerjasama Ketua Zon dan Penyelaras Tempatan Zon Timur. Perbincangan ini menghimpunkan pengarah dan pengurus agensi perikanan seperti Pejabat Perikanan (DOF), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), serta Persatuan Nelayan Negeri dan Kawasan dari Terengganu, Pahang dan Kelantan. Turut hadir ialah Tuan Mohd Shahril bin Samsuddin, Ketua Penolong Pegawai Daerah Kuala Terengganu.


A Focused Group Discussion was held on 19 June 2025, jointly organised by the Parliamentary Policy Advocacy Department, MySDG Centre for Social Inclusion and the Policy Solutions Department, in collaboration with the Eastern Zone Lead and Local Coordinators. The session brought together directors and managers from agencies such as the Department of Fisheries (DOF), Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM), State and Area Fishermen's Associations from Terengganu, Pahang and Kelantan. Also in attendance was Tuan Mohd Shahril bin Samsuddin, Senior Assistant District Officer of Kuala Terengganu District Office.

PENGURUSAN PEJABAT | OFFICE MANAGEMENT

6.6.2025

HR POWER! Siri Mini Strategi Kelestarian Sosial HR POWER! Social Sustainability Strategy Mini-Series

111




Sabrina menyertai siri mini HR POWER! Siri Mini Strategi Kelestarian Sosial anjuran Global Power Training, difasilitasi oleh Linda Mak. Sesi ini fokus pada strategi kelestarian sosial di tempat kerja, khususnya pendedahan mendalam mengenai Kepelbagaian, Kesaksamaan, dan Keterangkuman (DEI), penting untuk organisasi mampan dan inklusif.

Sabrina attended the HR POWER! mini-series by Global Power Training, facilitated by Linda Mak. The session focused on social sustainability strategies in the workplace, providing in-depth exposure to Diversity, Equity, and Inclusion (DEI), a crucial aspect for creating sustainable and inclusive organizations.

13.6.2025

Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG Bil. 8/25 APPGM-SDG Committee Meeting No. 8/25

112



Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG Bilangan 8/25 telah diadakan dengan kehadiran YB Isnaraissah Munirah, YB Rodiyah, YB Tuan Rushdan Rusmi dan YB Dato' Siti Zailah bersama beberapa pegawai sekretariat.

The APPGM-SDG Committee Meeting No. 8/25 was held with the attendance of YB Isnaraissah Munirah, YB Rodiyah, YB Rushdan Rusmi, and YB Dato' Siti Zailah, along with members of the APPGM-SDG secretariat.

30.6.2025

Latihan "Mastering Zoom in One Day" bersama MB Akademia & Consultancy Services

Mastering Zoom in One Day" Training with MB Akademia & Consultancy Services

113



Wakil APPGM-SDG, Sabrina dan Kezia Sim telah menghadiri latihan Mastering Zoom in One Day yang dijalankan oleh Mahairan Bana dan Mrs. Tan Poh Kiang daripada MB Akademia & Consultancy Services. Latihan ini bertujuan untuk mempertingkatkan kefahaman berkaitan fungsi-fungsi Zoom serta amalan terbaik dalam pengendalian mesyuarat secara maya yang lebih cekap dan profesional.

Sabrina and Kezia Sim represented APPGM-SDG in the Mastering Zoom in One Day training conducted by Mahairan Bana and Mrs. Tan Poh Kiang from MB Akademia & Consultancy Services. The objective of the training was to deepen understanding of Zoom's functions and explore best practices for managing virtual meetings more efficiently and professionally.



SDG 17

KERJASAMA UNTUK MATLAMAT |

SDG 17 PARTNERSHIP FOR THE GOALS

SDG 17: Kerjasama untuk Matlamat menjadi teras kepada pelaksanaan APPGM-SDG, di mana **kerjasama strategik dengan pelbagai pihak—termasuk Parlimen, agensi kerajaan, universiti, masyarakat sivil, dan sektor swasta**—digembleng untuk memperkukuh pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi.

Sepanjang bulan ini, pelbagai jalinan kerjasama baharu telah dimeterai dan diperluas, membina ekosistem pelaksana yang lebih bersepadu dan mampan. Ibu Pejabat memainkan peranan penting dalam menyelaraskan kerjasama ini, **memastikan sinergi dan perkongsian sumber yang berkesan demi mencapai impak kolektif**.

*SDG 17: Partnership for the Goals is the foundation of APPGM-SDG's implementation strategy, **driving cross-sector collaboration** with Parliament, government agencies, universities, civil society, and the private sector to strengthen SDG delivery at the grassroots level.*

*Over the past month, new and expanded partnerships have contributed to building a more integrated and sustainable implementation ecosystem. The Headquarters plays a vital role in coordinating these partnerships, **ensuring synergy and effective resource sharing toward achieving collective impact**.*

SDG 17 KERJASAMA UNTUK MATLAMAT | PARTNERSHIP FOR THE GOALS

13.6.2025

Sesi Makan Malam bersama YB Isnaraissah Munirah di Kota Kinabalu, Sabah
Dinner with YB Isnaraissah Munirah at Kota Kinabalu, Sabah

114



APPGM-SDG berbesar hati mengadakan sesi makan malam bersama YB Isnaraissah Munirah, Pengerusi APPGM-SDG di Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan hala tuju semasa serta perkembangan gerak kerja APPGM-SDG di seluruh negara.

APPGM-SDG hosted a dinner session with YB Isnaraissah Munirah, Chairperson of APPGM-SDG at Kota Kinabalu, Sabah to share updates and discuss the ongoing direction of the programme's nationwide implementation.

17.6.2025

Penyertaan APPGM-SDG dalam International Social Wellbeing Conference (ISWC 2025)

APPGM-SDG Participation in the International Social Wellbeing Conference (ISWC 2025)

115



Nurul Syaza, wakil APPGM-SDG, dijemput ke International Social Wellbeing Conference (ISWC 2025) untuk membincangkan isu precariat, ekonomi berasaskan umur panjang, dan kemampanan fiskal.

Nurul Syaza, representing APPGM-SDG, was invited to the International Social Wellbeing Conference (ISWC 2025) to discuss critical issues related to the precariat, the longevity economy, and fiscal sustainability.

30.6.2025

Mesyuarat Partners in Accelerating SDGs di Urbanice Malaysia

Partners in Accelerating SDGs Meeting at Urbanice Malaysia

116



Partners in Accelerating SDGs, sebuah inisiatif untuk mempercepatkan pembangunan mampan, hari ini telah diadakan di pejabat Urbanice. Mesyuarat ini menghimpunkan lebih 25 wakil daripada pelbagai organisasi termasuk MGTC, Jeffrey Sachs Center, Yayasan MySDG, dan UMSDC. YBhg. Dato' Sri Mustapa Mohamed turut mempengerusikan mesyuarat ini.

Partners in Accelerating SDGs, an initiative to speed up sustainable development, was held today at Urbanice's office. The meeting brought together over 25 representatives from various organizations, including MGTC, the Jeffrey Sachs Center, Yayasan MySDG, and UMSDC. Dato' Sri Mustapa Mohamed also co-chaired the meeting.




Tarikh Program

Programme Dates



- | | | |
|---|--|--|
| 1 | Program Kesedaran ESG UOB untuk Perniagaan Kecil dan Sederhana <i>UOB ESG Awareness Event for SMEs</i> | 8, 22, 30 Julai 2025
<i>8, 22, 30 July 2025</i> |
| 2 | Pelancaran Buku Grounded Solutions: Community Resilience and Environmental Action in Malaysia dan Catalyst for Change: Community, Youth, and Innovation in Environmental Sustainability. <i>Book Launch of Grounded Solutions: Community Resilience and Environmental Action in Malaysia and Catalyst for Change: Community, Youth, and Innovation in Environmental Sustainability</i> | 10 Julai 2025
<i>10 July 2025</i> |
| 3 | Perbincangan mengenai Kerohanian dan Pemuliharaan Alam Sekitar <i>Discussion on Sprituality & Environmental Conservation</i> | 11 Julai 2025
<i>11 July 2025</i> |
| 4 | Forum Politik Peringkat Tinggi PBB mengenai Pembangunan Mampan (HLPF) 2025 <i>United Nations High-level Political Forum on Sustainable Development (HLPF) 2025</i> | 11-25 Julai 2025
<i>11-25 July 2025</i> |
| 5 | Seminar Teori dan Metode Sosial APPGM-SDG, Siri 1 <i>APPGM-SDG Social Theory and Method Seminar, Series 1</i> | 14 Julai 2025
<i>14 July 2025</i> |
| 6 | Mempercepatkan Pelaksanaan SDG melalui Ekonomi Solidariti Sosial (SSE): Hala Tuju SDG-SSE ASEAN 2026-2030 dan Visi Keharmonian Dunia <i>Accelerating SDGs through Social Solidarity Economy (SSE): The ASEAN SDG-SSE Roadmap 2026-2030 & the World Harmony Vision</i> | 21 Julai 2025
<i>21 July 2025</i> |
| 4 | Majlis Pelancaran Laporan Tahunan APPGM-SDG <i>Launch Ceremony of the APPGM-SDG 2025 Annual Report</i> | 24 Julai 2025
<i>24 July 2025</i> |
| 5 | Forum Penyetempatan SDG di Peringkat Tempatan: 2016 hingga 2025 – Impak kepada Akar Umbi <i>Localizing SDGs: 2016 to 2025 - Impact on the Grassroots</i> | 29 Julai 2025
<i>29 July 2025</i> |
| 6 | Perbincangan Meja Bulat bagi Rancangan Malaysia Ke-13 <i>The Roundtable Discussion for 13th Malaysia Plan</i> | 2 Ogos 2025
<i>2 Aug 2025</i> |



**Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
(PPM-023-14-07012020)**

 A-1-10, Blok A, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sg. Jernih 8/1,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

 secretariat@appgm-sdg.com

 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

 <https://appgm-sdg.com/>

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN